



unicef 
for every child

Dapatan Utama Ranjau Sepanjang Jalan

Tinjauan berulang tentang impak kos sara hidup pasca pandemik terhadap isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur

Diterbitkan oleh United Nations Children's Fund, Malaysia.

Terjemahan oleh Noor Azam Shairi.

© UNICEF Malaysia.

Semua hak cipta terpelihara.

Terbitan pertama Mei 2024.

United Nations Children's Fund
Menara PJH Level 10,
No. 2 Jalan Tun Abdul Razak Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia

www.unicef.org/malaysia

Penyiaran mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini adalah dibenarkan dengan syarat menyatakan sumbernya, tetapi tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu.

Pendapat yang diutarakan di dalam penerbitan ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk UNICEF, negara-negara anggota PBB atau kerajaan Malaysia.

Gambar kulit depan oleh Khairil Yusof. Gambar menunjukkan empat pasu di hujung koridor rumah pangsa kos rendah.

© UNICEF Malaysia/2024/Khairil Yusof



Ranjau Sepanjang Jalan

Tinjauan berulang tentang impak kos sara hidup pasca pandemik terhadap isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur

Penghargaan

Kami merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua keluarga yang sudi berkongsi kisah-kisah mereka dan menjawab semua pertanyaan kami sepanjang penyelidikan projek ini.

Kajian ini mendapat manfaat yang besar daripada kepakaran, pandangan, dan ulasan daripada beberapa pihak, terutamanya semasa perbincangan meja bulat yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 20 Februari 2024. Terima kasih kepada Prof. Dr. Noraida Endut dari Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia, wakil dari Institut Penyelidikan PNB, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Bank Dunia Malaysia, Akademi Pusat Pungutan Zakat Selangor, Pusat Pembangunan Ungku Aziz di Universiti Malaya, Kementerian Kesihatan, Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Terima kasih juga kepada pelatih kami, Basil Khairul Anuar dan Jiwo Damar Jati, yang memberikan khidmat sokongan sepanjang kajian ini.

Penghargaan istimewa kami kepada UNICEF atas dukungan dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini, khususnya kepada Dr. Juanita Vasquez Escallon, Ketua Dasar Sosial, UNICEF Malaysia. Kajian ini ditulis oleh Dr. Muhammed Abdul Khalid, Dr. Zouhair Mohd Rosli, dan Siti Nur Fatimahtul Maryam Abdul Halim, dari DM Analytics Malaysia. Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh UNICEF dan UNFPA.

Kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini adalah tanggungjawab pihak penulis sepenuhnya.

Kandungan

Singkatan	6
Senarai Rajah	7
Senarai Jadual	8
Sorotan Utama	9
Latar Belakang	16
Matlamat	20
Bidang Tinjauan	22
Dapatan Utama	24
Pekerjaan dan Pendapatan	26
Kos Sara Hidup	36
Pendidikan	42
Kesihatan	44
Kesejahteraan Psikososial	46
Dasar Pilihan	48
Tindakan Lanjut dan Cadangan Dasar	50
Lampiran 1: Peta Isi Rumah yang Ditinjau	55
Lampiran 2: Kaedah	56
Lampiran 3: Pertimbangan Etika	60
Lampiran 4: Keterbatasan Kajian	61
Bibliografi dan Rujukan	63

Singkatan

BNM	Bank Negara Malaysia
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
FOE	Keluarga di Pinggiran
KIR	Ketua isi rumah
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kesihatan
KL	Kuala Lumpur
KPM	Kementerian Pendidikan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MOF	Kementerian Kewangan
NHMS	Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi
OKU	Orang kurang upaya
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPR	Program Perumahan Rakyat
SCA	Analisis Kandungan Sistemik
SRHR	Hak Kesihatan Seksual dan Reproktif
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNFPA	Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNICEF	Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Senarai Rajah

Rajah	Keterangan	Muka surat
1.1	Longitudinal: Pendapatan penengah isi rumah (RM)	25
1.2	Pendapatan penengah isi rumah (RM)	25
1.3	Longitudinal: Kadar pengangguran (%)	26
1.4	Kadar pengangguran (%)	26
1.5	Longitudinal: Insiden kemiskinan mutlak (%)	27
1.6	Longitudinal: Kadar kemiskinan relatif dalam kalangan isi rumah dan kanak-kanak (%)	28
1.7	Insiden kemiskinan mutlak (%)	28
1.8	Insiden kemiskinan relatif (%)	29
1.9	Insiden kemiskinan tegar (%)	29
1.10	Longitudinal: Status pekerjaan (%)	30
1.11	Pekerjaan tidak formal dalam kalangan jumlah pekerja (%)	31
1.12	Pekerja tidak formal dalam kalangan yang bekerja sendiri (%)	31
1.13	Jenis bantuan diterima (%)	32
1.14	Isi rumah yang menerima STR, mengikut kelas pendapatan (%)	32
1.15	Isi rumah yang menerima bantuan JKM mengikut kelas pendapatan (pendapatan per kapita) (%)	33
1.16	Isi rumah dengan orang kurang upaya yang menerima bantuan JKM mengikut kelas pendapatan (pendapatan per kapita) (%)	33
2.1	Kesan kos sara hidup (%)	35
2.2	Pendapatan semasa untuk memenuhi keperluan harian (%)	35
2.3	Pengambilan makanan dalam kalangan kanak-kanak (%)	37
2.4	Cabaran menyediakan makanan berkhasiat (%)	38
2.5	Strategi meringankan kenaikan kos sara hidup (%)	39
2.6	Pola pemakanan mengikut barangan makanan (%)	40

Senarai Rajah

Rajah	Keterangan	Muka surat
3.1	Kadar kasar enrolmen (%)	42
3.2	Kos pendidikan (%)	42
3.3	Kebimbangan terbesar mengenai pendidikan anak-anak (%)	43
4.1	Keadaan Kesihatan (%)	46
4.2	Maklumat mengenai SRHR (%)	46
4.3	Maklumat mengenai SRHR, mengikut tahap pendidikan (%)	46
4.4	Sumber maklumat mengenai SRHR (%)	46
5.1	Insiden tekanan mental (%)	48
5.2	Kesihatan mental semasa (%)	49
5.3	Jangkaan kedudukan kewangan pada masa akan datang(%)	49
6.1	Dasar yang paling diperlukan (%)	52
6.2	Dasar Kerajaan sedia ada yang paling membantu (%)	52
A.1	Peta isi rumah yang ditinjau	57

Senarai Jadual

Jadual	Keterangan	Muka surat
1	Statistik perihalan	59
2	Ralat piawai relatif anggaran untuk purata pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut kumpulan ketua isi rumah	64

Sorotan Ranjau Sepanjang Jalan: Pendapatan dan Perlindungan Sosial



Sorotan Utama 1

Kebanyakan ketua isi rumah sudah kembali bekerja dan pendapatan keluarga juga bertambah baik namun, kemiskinan masih tinggi, terutama dalam kalangan wanita, kanak-kanak, serta orang kurang upaya.



Pendapatan bulanan penengah isi rumah telah kembali pulih kepada paras sebelum pandemik. Pendapatan penengah bulanan isi rumah meningkat 32% kepada hampir RM3,000. Bagi isi rumah yang diketuai wanita, pendapatan penengah adalah RM1,600 atau 23% lebih tinggi berbanding 2019. Pendapatan bulanan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya adalah yang terendah sebanyak RM1,550.



Kemiskinan masih tinggi, pada kadar 41% pada Okt 2023, namun jatuh sedikit berbanding 45% pada Mac 2021. Dalam kalangan isi rumah diketuai wanita, kadar kemiskinan adalah 59% (Mac 2021: 62%). Kadar kemiskinan tertinggi adalah dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya, pada 67%. Kadar kemiskinan tegar adalah 8%, dan yang tertinggi dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya iaitu pada 17%.



Majoriti Ketua Isi Rumah (KIR) sudah kembali bekerja. Kadar pengangguran telah berkurangan daripada 12% pada Mac 2021 kepada 5.9% pada Oktober 2023. Kadar pengangguran ketua isi rumah wanita juga menurun, dari 16% kepada 7.4% dalam tempoh sama. Kadar pengangguran ketua isi rumah kurang upaya adalah yang tertinggi pada 10%.



Kanak-kanak paling terdedah dalam kancuh kemiskinan. Hampir semua kanak-kanak (95%) hidup dalam kemiskinan relatif, dengan 40% tinggal dalam isi rumah yang di bawah garis kemiskinan.

Sorotan Utama 2

Perlindungan sosial dan program bantuan perlu dipertingkatkan.



Majoriti KIR bekerja makan gaji. Peratusan yang bekerja sendiri berkurangan daripada 1 daripada 4 kepada 1 daripada 5 antara Mac 2021 dan Oktober 2023.



72% menerima beberapa jenis bantuan sosial, 68% menerima STR, sementara 23% menerima zakat.



Namun, 40% pekerja tiada perlindungan sosial berkaitan pekerjaan (38% wanita), termasuk mereka yang bekerja makan gaji (26%), dan tertinggi dalam kalangan yang bekerja sendiri (92%).



Bagaimanapun, bantuan boleh diperluaskan kerana kira-kira 1 daripada 3 isi rumah dengan pendapatan tidak lebih RM5,000 sebulan tidak menerima STR.

Sorotan Ranju Sepanjang Jalan: Kos Sara Hidup dan Pendidikan



Sorotan Utama 3 Majoriti isi rumah terbeban dengan kenaikan harga makanan.



8 daripada 10 isi rumah bergelut untuk menjana pendapatan yang mencukupi bagi menampung keperluan asas hidup, lebih tinggi berbanding 7 daripada 10 seperti yang dilaporkan semasa pandemik.



Majoriti isi rumah (90%) terkesan dengan kenaikan kos sara hidup, terutamanya harga makanan, manakala kira-kira 50% menganggap kedudukan kewangan mereka semakin merosot berbanding 2022.



Untuk menangani kos sara hidup yang meningkat, keluarga bekerja lebih masa dan mengurangkan perbelanjaan termasuk makanan. Kanak-kanak yang kebanyakannya berhadapan masalah kesihatan, juga mengurangkan pengambilan makanan, dengan 1 daripada 2 makan kurang daripada tiga kali sehari.

Sorotan Utama 4 Pendidikan anak-anak kian mencabar.



Ibu bapa semakin kluatir tentang prospek masa depan anak mereka, terutama yang menyentuh soal akses kepada pendidikan dan kualiti pendidikan itu sendiri.



Kos pendidikan telah meningkat dengan ketara, dengan 78% isi rumah menyatakan kenaikan itu merangkumi kos pengangkutan, kegiatan kokurikulum, dan makanan di kantin sekolah, yang telah naik sejak pandemik bermula.

Sorotan Ranjau Sepanjang Jalan: Kesihatan Mental dan Dasar Kerajaan



Sorotan Utama 5 Tekanan mental semakin bertambah, malah lebih buruk berbanding semasa pandemik.



Majoriti isi rumah (3 daripada 4) menyatakan kenaikan kos sara hidup sangat menjejaskan kesihatan mental mereka, dengan hampir 1 daripada 4 melaporkan perasaan tertekan yang memuncak berbanding semasa pandemik.



1 daripada 3 isi rumah menjangkakan kedudukan kewangan mereka akan semakin merosot, berbanding 1 daripada 4 pada 2021.

Sorotan Utama 6 Apa yang diperlukan oleh isi rumah ialah gaji dan upah yang lebih tinggi, manakala subsidi petrol tidak mendapat sokongan yang tinggi.



Menaikkan gaji dan upah dan mengekalkan program bantuan tunai sedia ada adalah langkah dasar yang lebih optimal menurut isi rumah untuk meringankan kesan kenaikan kos sara hidup.



Bantuan tunai dan kawalan harga barang makanan dianggap polisi sedia ada yang paling bermanfaat untuk isi rumah, sementara subsidi petrol umumnya tidak dianggap membantu, dengan hanya 7% menyatakan sokongan terhadap polisi ini.

Ringkasan Eksekutif

Kajian ini adalah kesinambungan daripada projek Keluarga di Pinggiran (FOE). Semasa pandemik COVID-19, UNICEF dan UNFPA menjalankan kajian longitudinal kaedah campuran empat fasa semasa dan selepas pandemik. Kajian itu bertujuan mengukur kesan pandemik ke atas wanita dan kanak-kanak dalam keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur.

Kajian ini bertumpu pada tinjauan yang dibuat selepas pandemik, yang dijalankan dari 14 Oktober 2023 hingga 16 November 2023. Tinjauan ini mengumpulkan data daripada 755 isi rumah berpendapatan rendah yang tinggal di 16 perumahan awam kos rendah di Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 501 isi rumah dengan hampir 30% daripadanya adalah responden yang pernah ditemubual untuk projek FOE. Selain itu, terdapat sampel tambahan 254 isi rumah, terutamanya isi rumah yang diketuai oleh wanita.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk memberikan pandangan berasaskan bukti yang sesuai dalam membantu penggubalan dasar dan wacana awam berkenaan keadaan pasca COVID-19, terutama kos sara hidup yang meningkat.

Kajian ini ingin merungkaikan pertalian yang rumit antara peningkatan kos sara hidup dan kesannya ke atas wanita, kanak-kanak, serta orang kurang upaya.

Kajian ini cuba untuk menghuraikan cabaran-cabaran baharu yang dihadapi oleh isi rumah yang terdedah kepada kemiskinan akibat pandemik. Semoga dengan memahami isu-isu penting ini, pihak yang berkepentingan dapat mengambil langkah serta memperkenalkan dasar yang tepat untuk menampikan kesan buruknya selain membina ketahanan kumpulan masyarakat yang terkesan.

Dapatan Utama

Ringkasan dapatan utama adalah seperti berikut:

1. Walaupun keadaan pekerjaan dan pendapatan bertambah baik, kadar kemiskinan masih berada pada tahap yang tinggi terutama sekali dalam kalangan wanita, kanak-kanak, dan orang kurang upaya.

Pasaran buruh sudah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan, yang terserlah melalui peningkatan pendapatan penengah bulanan isi rumah. Pendapatan penengah bulanan isi rumah telah pulih kepada tahap sebelum pandemik. Median pendapatan bulanan isi rumah meningkat 32% kepada hampir RM3,000. Dalam kalangan isi rumah yang diketuai wanita, pendapatan penengah adalah RM1,600 atau 23% lebih tinggi berbanding pada tahun 2019. Pendapatan bulanan isi rumah dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya adalah yang paling rendah pada RM1,550.

Semakin ekonomi kembali pulih, semakin ramai orang kembali bekerja. Kadar pengangguran yang merupakan pengukur penting keadaan ekonomi telah menurun daripada 12% pada Mac 2021 kepada 5.9% menjelang Oktober 2023. Kadar pengangguran dalam kalangan isi rumah diketuai wanita juga menunjukkan penurunan yang ketara dalam tempoh sama, menjunam daripada 16% kepada 7.4%. Sebagai perbandingan, kadar pengangguran bagi ketua isi rumah kurang upaya adalah 10%, yang tertinggi berbanding kumpulan-kumpulan lain.

Walaupun penyertaan dalam pasaran buruh dan pendapatan meningkat, kemiskinan kekal tinggi terutama dalam kalangan wanita dan kanak-kanak. Setakat Oktober 2023, kadar kemiskinan dalam kalangan isi rumah ialah 41%, turun sedikit daripada kemuncaknya iaitu 45% pada Mac 2021. Dalam kalangan isi rumah diketuai wanita, kadar kemiskinan ialah 59%, turun sedikit daripada 62% pada Mac 2021. Kemiskinan mutlak isi rumah yang diketuai orang kurang upaya adalah yang tertinggi iaitu 67%. Kemiskinan tegar, iaitu kemelaratan paling parah, kekal pada 8% dan tertinggi dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya iaitu pada 17%.

Kanak-kanak, kelompok yang paling mudah terjejas, menanggung beban kemiskinan yang tidak seimbang. Apa yang membimbangkan ialah hampir semua kanak-kanak, iaitu 95% daripada mereka, hidup dalam kemiskinan relatif dan 40% daripada kanak-kanak tinggal dalam isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan. Ini menunjukkan perlunya campur tangan segera untuk meringankan penderitaan mereka serta memutuskan rantaian kemiskinan antara generasi.

2. Perlindungan sosial dan program bantuan perlu dipertingkatkan.

Majoriti isi rumah berkerja, sekaligus menunjukkan tingginya penyertaan tenaga buruh. Nisbah individu yang bekerja sendiri telah menurun daripada 1 daripada 4 kepada 1 daripada 5 antara Mac hingga Oktober 2023. Ini menunjukkan satu peralihan ke arah peluang pekerjaan formal. Namun, 40% daripada pekerja, merangkumi pekerja bergaji dan yang bekerja sendiri, tidak memiliki perlindungan sosial berkaitan pekerjaan yang memadai. Kekurangan ini sangat meruncing dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri, dengan 92% daripada mereka tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi terhadap kejutan ekonomi.

Sebahagian besar isi rumah, iaitu 72%, menerima pelbagai jenis bantuan sosial. Kebanyakannya menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), iaitu 68% daripada isi rumah. Selain itu, 23% daripada isi rumah menerima zakat. Bagaimanapun, jangkauan program bantuan sosial ini masih belum meluas, sehingga wujud ketidakseimbangan antara kumpulan pendapatan. Lebih kurang 1 daripada 3 isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan tidak menerima STR, sekali gus menonjolkan kepincangan jangkauan dan aksesnya.

3. Kenaikan harga makanan kini menjadi kebimbangan utama, yang meningkatkan lagi beban tekanan kewangan isi rumah serta menyulitkan lagi isi rumah untuk memenuhi keperluan asas.

Pada masa ini, 8 daripada 10 isi rumah mengalami kesulitan tidak cukup pendapatan untuk menampung perbelanjaan asas secara berterusan. Kadar ini mengatasi jumlah 7 daripada 10 isi rumah yang dilaporkan ketika kemuncak pandemik. Kos sara hidup yang terus meningkat, terutamanya harga makanan, menjejaskan hampir semua (90%) isi rumah. Isi rumah yang diketuai wanita (74%) dan isi rumah diketuai orang kurang upaya (92%) merasakan pendapatan mereka sekarang tidak mencukupi.

Untuk menangani kos sara hidup yang meningkat, keluarga melakukan pelbagai kerja, mengurangkan perbelanjaan, malah mengurangkan pengambilan makanan. Akibatnya, anak-anak mereka, yang sememangnya berhadapan dengan masalah kesihatan, juga kurang makan, dengan 1 daripada 2 makan kurang daripada tiga kali sehari.

4. Keluarga berpendapatan rendah menghadapi cabaran lebih besar untuk mendapatkan bukan sahaja pendidikan yang berkualiti, malah pendidikan itu sendiri.

Ibu bapa kini makin bimbang akan prospek masa depan anak mereka, terutamanya melibatkan soal akses kepada pendidikan dan kualiti pendidikan itu sendiri. Kos pendidikan semakin mahal, dengan 78% ibu bapa kini bergelut dengan kos berkaitan pendidikan yang meningkat, yang merangkumi bukan sahaja yuran tuisyen tetapi juga duit belanja harian, kos pengangkutan, aktiviti kokurikulum, dan makanan di kantin sekolah, yang sudah naik sejak pandemik bermula.

5. Tekanan mental semakin bertambah, malah lebih buruk berbanding semasa pandemik.

Kesihatan mental ibu bapa yang memerah keringat akibat kenaikan kos sara hidup juga sangat terkesan. 3 daripada 4 isi rumah khuatir kenaikan kos sara hidup menjejaskan kesihatan psikologi mereka, sekali gus menandakan tekanan yang meluas dalam kalangan masyarakat. Lebih membimbangkan, hampir 1 daripada 4 isi rumah kini melaporkan perasaan tertekan yang memuncak, berbanding 1 daripada 5 semasa pandemik.

Cabaran kesihatan mental yang semakin menantang ini diburukkan lagi oleh rasa pesimis tentang masa depan. 1 daripada 3 isi rumah menjangkakan keadaan kewangan mereka akan lebih merosot. Angka ini lebih tinggi berbanding 1 daripada 4 semasa pandemik.

6. Apa yang diperlukan oleh isi rumah ialah gaji dan upah yang lebih tinggi, manakala subsidi petrol tidak mendapat sokongan yang tinggi.

Isi rumah cenderung memilih gaji dan upah yang lebih sebagai jalan keluar untuk mengurangkan kos sara hidup yang bertambah. Selain itu, inisiatif bantuan tunai dan kawalan harga barangan makanan asas dikenal pasti sebagai satu mekanisme sokongan yang berkesan, yang sangat dialu-alukan oleh isi rumah sebagai langkah utama untuk meringankan beban kewangan. Penyaluran bantuan tunai langsung memberikan kelegaan segera, yang menawarkan fleksibiliti untuk mereka menyediakan peruntukan mengikut keperluan yang paling mendesak. Kawalan harga barangan makanan asas pula dapat menahan tekanan inflasi sekali gus memastikan akses kepada barangan asas.

Sebagai perbandingan, subsidi petrol yang ada pada masa ini tidak mendapat sokongan meluas daripada isi rumah, dengan hanya 7% menyatakan sokongan terhadap langkah sedemikian. Sebaliknya, isi rumah menganjurkan campur tangan dasar yang menangani punca tekanan kewangan, iaitu gaji dan upah yang tidak memadai dan terhakisnya kuasa beli.

Berdasarkan maklum balas daripada kajian ini jelas bahawa penggubal dasar mesti mengambil kira keperluan isi rumah sebelum menyusun langkah dasar untuk menangani krisis kos sara hidup yang mereka hadapi.

Cadangan

Kajian ini menyarankan enam cadangan utama:

1

Elaun Penjagaan Untuk Semua Kanak-Kanak

Memperkenalkan elaun penjagaan untuk semua kanak-kanak sejak sebelum lahir hingga berumur 2 tahun (1,000 hari) sebagai usaha awal untuk memperluaskan perlindungan sosial pada waktu mereka paling rentan. Elaun bulanan ini hendaklah disalurkan terus kepada ibu.

2

Elaun untuk Semua Orang Kurang Upaya

Elaun secepat untuk semua orang kurang upaya dan penjaga mereka penting bagi menyediakan jaminan pendapatan yang mencukupi serta melengkapi sistem sokongan penjagaan kesihatan dan pekerjaan sedia ada.

3

Meningkatkan Bantuan Sosial

Memperluaskan bantuan sosial untuk merangkumi semua isi rumah miskin dan tidak hanya miskin tegar kerana cabaran yang mereka hadapi tidak terhad pada soal berkaitan makanan sahaja.

4

Meningkatkan Kesedaran Kesihatan Seksual & Reproduksi serta Mental

Meningkatkan kesedaran kesihatan seksual dan reproduktif melalui program khidmat masyarakat supaya orang ramai dapat membuat keputusan yang tepat dan berasaskan fakta, serta memperluaskan program sokongan kesihatan mental di seluruh negara.

5

Memberikan Gaji dan Upah yang Adil

Tahap gaji minimum pada masa ini terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk pekerja.

Setelah mengambil kira beberapa faktor utama seperti kos sara hidup, pendapatan penengah, pendapatan garis kemiskinan, dan produktiviti, gaji minimum yang sebenar adalah RM2,102 sebulan dan bukannya RM1,500 seperti sekarang. Gaji minimum perlu disemak semula.

6

Menambahbaik Perlindungan Sosial

Semua individu yang bekerja sendiri hendaklah diwajibkan mencarum dengan KWSP dan PERKESO. Semua pekerja, tanpa mengira status pekerjaan, mesti dilindungi dengan perlindungan sosial. Pekerja di sektor tidak formal tidak diwajibkan untuk mencarum ke KWSP dan PERKESO, berbeza dengan pekerja di sektor formal.

Perlindungan KWSP dan PERKESO hendaklah diwajibkan ke atas semua pekerja, terutamanya di sektor tidak formal, bagi melindungi mereka daripada kecederaan, pengangguran, serta tidak cukup atau tiada pendapatan semasa hari tua.

Latar Belakang

Semasa pandemik COVID-19, UNICEF dan UNFPA menjalankan kajian empat fasa antara 2020 dan 2022 bertajuk Keluarga di Pinggiran (FOE) di Kuala Lumpur. Kajian itu ingin meneliti bagaimana COVID-19 memberi kesan kepada isi rumah berpendapatan rendah, cara-cara mereka menghadapinya, dan sejauh mana program perlindungan sosial serta langkah bantuan kerajaan membantu mengurangkan kesan negatif pandemik, baik dari segi fiskal mahupun hal-hal yang bukan fiskal.

Kajian FOE dijalankan dari Mei 2020 hingga Mac 2021 melibatkan 500 isi rumah di 16 kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur. Ia dijalankan secara temu bual melalui telefon, selain wawancara mendalam bersama 50 individu. Kajian mendapati isi rumah ini sangat terdedah kepada kesan COVID-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyekat mereka daripada bekerja atau meneruskan kegiatan lain menjana pendapatan. Mereka juga tiada akses yang mencukupi kepada perlindungan sosial terutamanya isi rumah yang diketuai oleh wanita dan ketua isi rumah kurang upaya. Dapatan kajian ini turut menganjurkan lebih banyak sokongan sosial untuk golongan miskin serta menunjukkan bukti-bukti bagi mendukung dasar-dasar pandemik.

Walaupun pandemik sudah berlalu, timbul pula cabaran baharu. Kenaikan mendadak harga makanan, baja, dan tenaga pada separuh pertama 2022 ekoran perang Rusia-Ukraine menjejaskan pasaran global serta memparahkan lagi rantaian bekalan yang terjejas akibat COVID-19. Inflasi meningkat hampir di semua negara, mengakibatkan pendapatan boleh guna sebenar isi rumah berkurangan sehingga mencetuskan krisis kos sara hidup di banyak negara, terutamanya negara berpendapatan rendah.¹

Kemiskinan juga melonjak, dengan 783 juta orang di seluruh dunia tidak pasti dari mana akan dapat makanan yang seterusnya, sementara 349 juta orang mengalami kelaparan yang teruk, manakala 772,000 orang hampir kebuluran.² Keadaan itu berlaku di kebanyakan negara berpendapatan rendah, yang hampir separuh daripadanya sudah sedia rentan kerana cabaran ekonomi yang teruk.³ IMF menganggarkan negara-negara yang sangat terdedah ini memerlukan kira-kira AS\$7 bilion untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah.⁴ Akibat inflasi yang tinggi, kebanyakan negara menaikkan kadar faedahnya, sehingga memberikan kesan sampingan kepada isi rumah, terutamanya kumpulan yang rentan.

Kajian menyeluruh terhadap kesan peningkatan kos sara hidup pasca pandemik kepada isi rumah yang rentan masih lagi terhad. Di Australia, kajian pada 2022 menunjukkan bagaimana peningkatan kos sara hidup menjejaskan hampir 40 peratus daripada penduduknya. Menurut kajian itu, kumpulan belia dewasa, individu berpendidikan rendah, serta mereka yang terbatas pergerakannya kerana masalah kesihatan atau kurang upaya lebih terjejas dari segi kewangan berbanding yang lain.⁵ Peningkatan kos sara hidup juga memberi kesan kepada kesihatan mental. Satu kajian di United Kingdom mendapati banyak responden mengurangkan perbelanjaan makanan dan alat pemanas dengan ketara akibat kenaikan kos sara hidup, dengan hampir 3 daripada 5 melaporkan mereka murung, 1 daripada 3 mengalami gangguan tidur, sementara 1 daripada 4 terus mengalami gangguan mental yang semakin teruk.⁶ Walaupun ada bantuan daripada kerajaan dan bukan kerajaan, lebih daripada separuh (53%) peserta enggan mendapatkan bantuan kerana stigma sosial serta kurangnya kesedaran mengenai sokongan yang tersedia, terutamanya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah.

1 IMF. 2023. World Economic Outlook: A rocky recovery.

2 WFP. 2023. WFP Annual Review 2022.

3 Georgieva, K., et al. 2022. Global Food Crisis Demands Support for People, Open Trade, Bigger Local Harvests.

4 Ibid.

5 Seivwright, Ami; Kocar, Sebastian (2022). Inflation, Inflation, Inflation: How Tasmanians are Coping with Rising Costs of Living. University Of Tasmania.

6 Harley, Q. 2023. The cost of living Crisis: How has the Covid-19 affected the mental health of people on low incomes, and what forms of support have been effective? Glasgow: Mental Health Foundation.

Semasa pandemik, sesetengah negara tidak lagi mengutamakan hak kesihatan seksual dan reproduktif (SRHS) kerana kekangan kewangan kerajaan. Kajian di India, Kenya dan Nigeria mendapati wanita daripada semua peringkat umur, terutamanya generasi muda, sukar mendapatkan perkhidmatan dan maklumat yang cukup mengenai SRHR sehingga mengakibatkan kehamilan yang tidak diingini.⁷ Kajian juga mendapati respons dasar awam semasa pandemik telah menyekat hak kanak-kanak perempuan dan wanita, sehingga mereka yang sudah berkahwin serta mereka yang kurang upaya berhadapan dengan keganasan, prejudis, dan terhalang untuk mengakses perkhidmatan, maklumat, serta produk SRHR. Kumpulan yang rentan jelas ketinggalan dari segi tahap kesihatan seksual dan reproduktif.

Kajian oleh UNFPA di Amerika Utara dan Amerika Selatan pada 2023 mendapati kesihatan ibu dan hasil SRHR dalam kalangan wanita dan anak perempuan keturunan Afrika-Amerika bukan Hispanik jelas ketinggalan — mereka berdepan risiko kematian tiga kali ganda semasa mengandung atau dalam tempoh 42 hari selepas melahirkan berbanding rakan-rakan mereka yang berkulit putih bukan Hispanik.⁸ Kematian ibu semasa melahirkan terus berlaku tanpa mengira tahap pendapatan dan pendidikan; malah wanita keturunan Afrika-Amerika yang memiliki ijazah kolej pun menunjukkan kadar kematian ibu 1.6 kali lebih tinggi berbanding wanita kulit putih yang pendidikannya tidak lebih diploma sekolah tinggi.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada kesan pandemik dan tekanan inflasi global biarpun ekonomi negara dilihat sedang pulih. Namun, pemulihan ekonomi ini adalah tidak sekata. Walaupun saiz ekonomi negara sudah kembali pulih dengan KDNK pada 2022 dicatatkan 2% lebih tinggi berbanding 2019 manakala kadar pengangguran pula sudah menurun, pemulihan itu tidak sekata. Tahap kemiskinan keseluruhannya masih tinggi iaitu 6.2% pada 2022 berbanding 5.4% pada 2019. Sementara ketidaksamaan, seperti diukur menggunakan pekali Gini melebar kepada 0.417 daripada 0.416 dalam tempoh yang sama.

Harga makanan dan kos tenaga yang meningkat, serta penyusutan matawang Ringgit memburukkan lagi kesan pandemik yang masih dirasai oleh segelintir isi rumah.⁹ Inflasi telah meningkat kepada 3.3% pada 2022 berbanding 2.5% pada 2021, dengan komponen makanan melonjak kepada 5.8% daripada 1.7% sepanjang tempoh sama. Ini memberikan kesan parah kepada isi rumah berpendapatan rendah kerana mereka berbelanja lebih banyak untuk makanan (38%) berbanding isi rumah yang berpendapatan lebih tinggi (27%). Isi rumah berpendapatan rendah di kawasan bandar lebih terdedah kerana inflasi di kawasan bandar lebih tinggi pada 3.6% berbanding di kawasan luar bandar (2.6%). Kenaikan harga di kawasan bandar juga lebih tinggi iaitu 6.1% berbanding 4.3% di kawasan luar bandar.¹⁰

7 Women Deliver. 2022. The Impact of Covid-19 On Sexual and Reproductive Health and Rights: Youth-led Perspectives and Solutions for a Gender-Equal World.

8 UNFPA. 2023. Maternal Health of Women and Girls of African Descent in the Americas.

9 World Bank. 2023. Malaysia Economic Monitor February 2023: Expanding Malaysia's Digital Frontier.

10 DOSM. 2023. Analisis Indeks Harga Pengguna (IHP) Tahunan 2022 dan DOSM. 2023. Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022.

Kajian Bank Dunia juga menunjukkan 7 daripada 10 isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia bertungkus-lumus untuk memenuhi keperluan asas setiap bulan, sementara 6 daripada 10 tiada simpanan.¹¹ Kos sara hidup yang tinggi menjejaskan pertumbuhan pendapatan sebenar bagi isi rumah berpendapatan rendah. Pada 2019, purata pendapatan sebenar bagi isi rumah B40 meningkat hampir RM150 sebulan berbanding pendapatan bulanan mereka pada 2016. Namun, kenaikannya lebih rendah pada 2022, hanya lebih kurang RM100 sebulan berbanding 2019. Isi rumah miskin bandar di Kuala Lumpur teruk terjejas. Setelah mengambilkira faktor inflasi, purata pendapatan kasar sebenar isi rumah bagi isi rumah B40 berkurangan hampir RM700 sebulan, dari RM4,146 pada 2019 kepada RM3,431 pada 2022.¹²

Kerajaan sudah mempelopori beberapa dasar untuk meringankan beban kenaikan kos sara hidup terhadap isi rumah. Kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM70 bilion (AS\$16 bilion)¹³ untuk subsidi, bantuan, dan insentif pada 2023.¹⁴

Antara langkah langsung yang diperkenalkan ialah menyalurkan RM2.4 bilion untuk subsidi ayam dan telur ayam, RM500 juta untuk pelaksanaan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS), RM1.6 bilion untuk subsidi dan insentif harga padi, baja padi dan padi huma, RM10.8 bilion untuk subsidi elektrik, serta RM8 bilion untuk program bantuan tunai.¹⁵

Bagaimanapun, sebahagian besar subsidi itu bersifat regresif dan cenderung menguntungkan mereka yang kaya berbanding yang miskin, terutamanya subsidi elektrik dan bahan bakar. Bagi setiap RM100 subsidi minyak yang diperuntukkan kepada orang miskin, kumpulan berpendapatan tinggi (T20) menerima RM35 berbanding hanya RM24 bagi kumpulan berpendapatan rendah (B40).

Subsidi regresif bukan unik di Malaysia; kajian di 43 negara baru muncul dan berpendapatan rendah menunjukkan kumpulan terkaya 20% menikmati 43% daripada subsidi tenaga, jauh lebih tinggi berbanding kumpulan pendapatan lain.¹⁶ Jumlah keseluruhan subsidi di Malaysia bagi 2022 hampir RM80 bilion, lebih tinggi daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk pelaburan masa depan — iaitu penjagaan kesihatan dan pendidikan, yang masing-masing menerima peruntukan RM32 bilion dan RM52 bilion.¹⁷

Hanya ada satu langkah khas COVID-19 yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah, iaitu bantuan tunai *one-off* sebanyak RM1,600 kepada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM4,000.¹⁸ Program bantuan tunai yang lain adalah sambungan bantuan tunai tahunan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, yang dimulakan pada 2013 dan masih diteruskan sampai ke hari ini.

Untuk meringankan kesan kos sara hidup yang tinggi pasca COVID-19, bantuan tunai tahunan serta subsidi makanan dan tenaga diteruskan, tetapi peruntukannya dikurangkan.¹⁹ Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan Jualan Rahmah yang menawarkan barangan asas sehingga 30% lebih murah berbanding harga pasaran di kesemua 222 kawasan parlimen dengan peruntukan perbelanjaan RM100 juta. Namun, beberapa program yang diperkenalkan pada 2022 tidak lagi disambung pada 2023, antaranya diskaun bil elektrik (RM6.5 bilion) serta bantuan tunai berkaitan COVID-19 seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) untuk isi rumah M40 dan B40 (RM40 juta). Sepanjang tempoh 2020-2022, keseluruhan perbelanjaan kerajaan untuk semua program ini berjumlah RM47 bilion.²⁰

11 World Bank. 2023. Malaysia Economic Monitor February 2023: Expanding Malaysia's Digital Frontier.

12 DOSM. 2023. Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah 2022.

13 Berdasarkan kadar tukaran USD/MYR RM4.4011 (Purata sepanjang tempoh berkenaan).

14 Kementerian Kewangan. 2023. Ucapan Belanjawan 2023.

15 BERNAMA. 2023. Langkah proaktif kerajaan bantu rakyat atasi isu bekalan ayam; Kementerian Kewangan 2023. Kerajaan jimat RM4.1 bilion hasil pelaksanaan subsidi bersasar elektrik; Kementerian Kewangan. 2023.

Kerajaan dapat jimat RM17 bilion jika T20 tidak diberi subsidi bahan api; Kementerian Kewangan. 2022. Ucapan Belanjawan 2023.

16 Cottarelli. C. 2013. Subsidizing Energy Consumption: Why it's Wrong and What Can Be Done About it. IMF Blog.

17 Kementerian Kewangan. 2022. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan – Belanjawan 2023.

18 Kementerian Kewangan. 2020. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan – Belanjawan 2021; Kementerian Kewangan. 2021. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan – Belanjawan 2022.

19 Kementerian Kewangan. 2022. Ringkasan Belanjawan 2023

20 Kementerian Kewangan. 2021. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan – Belanjawan 2022.

Sungguhpun kerajaan berhasrat membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025, usaha itu mencabar kerana kesan berpanjangan daripada pandemik.²¹ Antara 2019 dan 2022, kadar kemiskinan mutlak meningkat daripada 5.6% kepada 6.2%, di mana insiden kemiskinan bandar meningkat daripada 3.8% kepada 4.5%, sementara kemiskinan tegar juga meningkat daripada 0.2% kepada 0.4% sepanjang tempoh sama.²²

Kemiskinan di beberapa negeri kekal tinggi, seperti di Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Terengganu. Di Kuala Lumpur, biarpun kadar rasmi kemiskinan mutlak adalah rendah iaitu 1.4% pada 2022 (2019: 0.2%), masih ada kemiskinan terutamanya dalam kalangan isi rumah yang tinggal di flat kos rendah. Kajian UNICEF pada 2018 menunjukkan kadar kemiskinan dalam kalangan isi rumah di flat kos rendah di KL adalah 7%, walaupun angka rasmi melaporkan sifar kemiskinan di wilayah itu.²³

Cabaran kos sara hidup yang meningkat pasca pandemik mempunyai kesan negatif kepada isi rumah yang sudah terjejas, sehingga menjejaskan kemampuan mereka untuk memenuhi keperluan asas.

Kesan kenaikan kos sara hidup kepada isi rumah

perlu difahami dengan menyeluruh, termasuk strategi mereka menanganinya serta keberkesanan langkah perlindungan sosial sedia ada dalam melindungi mereka daripada tekanan ekonomi yang berpanjangan. Kajian ini bertujuan meneliti dengan terperinci dimensi ini, menyelongkar hubung kait antara kos sara hidup yang meningkat dan ketahanan isi rumah. Atas landasan sama yang dirintis melalui projek Keluarga di Pinggiran (FOE), kajian ini berhasrat untuk membuat analisis longitudinal, yang membolehkan perbandingan dibuat dari masa ke masa. Melalui pendekatan ini, kami mahu menunjukkan sifat kemiskinan yang selalu berubah-ubah serta melihat sejauh mana ia memberikan kesan kepada kesejahteraan, kesihatan, serta hak kesihatan seksual dan reproduktif (SRHR) isi rumah. Dengan meneliti data longitudinal dari pelbagai dimensi, kajian ini mahu memberikan gambaran mengenai pelbagai ragam cabaran yang dihadapi oleh isi rumah di tengah-tengah kepayahan ekonomi.

21 Mengikut takrifan kemiskinan oleh DOSM dalam HIES 2022, kemiskinan tegar merujuk pada isi rumah dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1,198 sebulan. Isi rumah berkenaan juga tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum. Kemiskinan mutlak pula merujuk pada isi rumah yang tidak mampu memenuhi keperluan asas minimum bukan hanya nutrisi makanan tetapi juga keperluan bukan makanan seperti pakaian, pendidikan, perumahan, dan pengangkutan. Isi rumah perlu memperoleh sekurang-kurangnya RM2,589 sebulan untuk tidak dikategorikan sebagai miskin mutlak.

22 DOSM. 2023. Laporan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022.

23 UNICEF. 2018. Kanak-kanak di Pinggiran: Kajian kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di rumah pangsa KL.

Matlamat

Kajian ini bertujuan melakukan analisis susulan menggunakan data daripada sampel Keluarga di Pinggiran (FoE) untuk mendapatkan bukti dan fakta yang boleh membantu penggubalan dasar dan usaha advokasi menangani cabaran akibat kenaikan kos sara hidup.

Kajian ini penting terutamanya bagi penduduk bandar yang rentan, termasuk kanak-kanak, wanita, serta orang kurang upaya, yang secara tidak seimbang terkena tempias daripada kenaikan kos sara hidup.

Matlamat Utama

Untuk memahami dinamik kemiskinan dan kerentanan dengan menilai kesan kenaikan kos sara hidup susulan pandemik COVID-19 terhadap isi rumah miskin di Kuala Lumpur.

Matlamat Khusus

- 1 Untuk memerhati dan menilai sejauh mana kejutan pandemik COVID-19 yang disusuli dan diparahkan lagi dengan kejutan kenaikan kos sara hidup pada masa ini memberi kesan kepada kesejahteraan dan kesihatan isi rumah berpendapatan rendah.
- 2 Untuk memahami bagaimana isi rumah menghadapi krisis yang berlaku, termasuk strategi dan tindak balas mereka dalam menangani situasi sebegini.
- 3 Untuk memerhati dan memahami perbezaan (jika ada) pada kesan (Matlamat 1) dan tindak balas (Matlamat 2) antara isi rumah yang diketuai lelaki dan isi rumah yang diketuai wanita.
- 4 Untuk memerhati dan memahami kesan dan tindak balas isi rumah yang mempunyai orang kurang upaya.
- 5 Untuk mengkaji keberkesanan dasar berkaitan COVID-19 yang dilaksanakan pada 2020-2021 dengan keadaan semasa, serta titik temunya dengan dasar sekarang dalam konteks peningkatan kos sara hidup/kejutan yang semakin parah.
- 6 Untuk menilai sejauh mana sistem perlindungan sosial mampu bertindak balas terhadap kejutan ekonomi kenaikan kos sara hidup.
- 7 Untuk mengemukakan cadangan yang utuh dan berasaskan fakta untuk mengukuhkan lagi sistem perlindungan sosial yang mampu bertindak balas kepada kejutan yang bertambah parah/berulang serta bertindak kepada realiti kemiskinan isi rumah yang dinamik.

Kaji selidik ini mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut...

Bagaimana kesejahteraan dan kesihatan isi rumah terjejas akibat gabungan kejutan pandemik COVID-19 dan peningkatan kos sara hidup sekarang?

Apa kaedah untuk menghadapi krisis pandemik COVID-19 dan kenaikan kos sara hidup yang bertambah parah?

Apa perbezaan kesan ke atas kesejahteraan dan kesihatan serta tindak balas antara isi rumah diketuai lelaki dan isi rumah diketuai wanita?

Apakah kesan dan tindak balas yang diperhatikan dalam kalangan isi rumah yang mempunyai orang kurang upaya?

Bagaimana dasar COVID-19 yang dilaksanakan pada 2020-2021 sepadan dengan dasar sekarang dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup dan kejutan yang semakin parah, dan apa pula hasilnya?

Sejauh mana sistem perlindungan sosial sekarang mampu menangani kejutan ekonomi daripada kenaikan kos sara hidup, yang memburukkan lagi kejutan kesihatan akibat pandemik?


Apakah cadangan berasaskan fakta yang boleh dikembangkan untuk mengukuhkan sistem perlindungan sosial, yang menjadikannya lebih berdaya tahan terhadap kejutan lebih parah atau berulang serta mencerminkan dinamik kemiskinan dalam isi rumah yang terus berubah?

Bidang Liputan

Kajian ini memberi tumpuan pada kesan peningkatan kos sara hidup ke atas isi rumah, langkah-langkah mereka menghadapinya serta satu analisis kecukupan, kebolehcapaian, dan keberkesanan dasar sosial utama serta tindak balas penyampaian perkhidmatan terutamanya terhadap kenaikan inflasi dan kos sara hidup ke atas kanak-kanak dan wanita.

Bidang-bidang yang diteliti adalah seperti berikut: pendapatan, perbelanjaan, pekerjaan, kesihatan kanak-kanak, pendidikan, pemakanan, akses kepada perkhidmatan SRHR, dan isu-isu lain yang berbangkit.

Ranjaru Sepanjang Jalan Bidang Kajian



Kajian ini meliputi tiga bidang utama yang berkaitan dengan kesan kenaikan kos sara hidup:



Bidang 1: Kesejahteraan ekonomi

Kesejahteraan ekonomi mencakupi petunjuk sosioekonomi tertentu seperti pendapatan, perbelanjaan, status pekerjaan, dan kumpulan.



Bidang 2: Kesejahteraan sosial

Kesejahteraan sosial merangkumi akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti, hubungan kekeluargaan dan amalan keibubapaan termasuk perlindungan kanak-kanak, hubungan gender dan pembahagian kerja rumah, serta kesejahteraan psikososial, termasuk kesan kenaikan kos sara hidup ke atas kesihatan mental.



Bidang 3: Komponen lain

Komponen lain termasuk cara-cara mengatasi dan akses kepada serta kecukupan langkah-langkah perlindungan sosial sedia ada seperti zakat, Sumbangan Tunai Rahmah (STR), dan bantuan JKM, serta keberkesanan subsidi minyak dan kawalan harga.

Pendekatan dan metodologi dihuraikan di Lampiran 2, manakala Pertimbangan Etika dihuraikan di Lampiran 3, dan Keterbatasan Kajian dihuraikan di Lampiran 4.



Dapatan Utama

Bahagian 1

Pekerjaan dan Pendapatan

Pendapatan penengah bulanan isi rumah telah melonjak kepada hampir RM3,000, iaitu peningkatan 32% berbanding tahap sebelum COVID-19. Ini menandakan pemulihan yang ketara bagi isi rumah yang bergelut menangani kesan ekonomi akibat pandemik (Rajah 1.1). Pendapatan bulanan isi rumah yang diterajui wanita khususnya mengalami peningkatan besar, naik 23% atau RM300. Pendapatan penengah bulanan bagi ketua isi rumah yang diketuai orang kurang upaya adalah yang terendah (RM1,550) berbanding isi rumah yang diketuai wanita (RM2,000) dan keseluruhan isi rumah (RM2,500). Pendapatan mereka tidak jauh bezanya dengan paras gaji minimum (Rajah 1.2).

Sebahagian besar isi rumah telah kembali bekerja, sekaligus menyebabkan penurunan ketara kadar pengangguran dalam kalangan ketua isi rumah (KIR) (Rajah 1.3). KIR orang kurang upaya mempunyai kadar pengangguran paling rendah berbanding keseluruhan KIR dan isi rumah diketuai oleh wanita. Ini menunjukkan walaupun KIR orang kurang upaya boleh mendapat kerja, tahap gaji dan upah mereka sangat rendah (Rajah 1.4).

Peningkatan dalam peluang pekerjaan ini menandakan ekonomi kembali stabil tetapi pada masa sama menonjolkan daya tahan individu dan keluarga dalam mengharungi cabaran kemerosotan kesan daripada pandemik.


Kadar pengangguran isi rumah menunjukkan kemajuan yang ketara, menurun daripada 12% semasa kemuncak pandemik pada awal 2021 kepada 5.9% pada Oktober 2023. Namun, ia masih mengatasi kadar 5% sebelum pandemik dan masih lagi lebih tinggi berbanding kadar pengangguran kebangsaan sebanyak 3.4%.

Kadar pengangguran isi rumah yang diketuai wanita jelas mengalami kemajuan yang ketara, menjunam kepada 7.4% pada Oktober 2023. Ini jauh lebih rendah berbanding kadar 9% sebelum pandemik dan 15.9% yang dicatat pada Mac 2021.



Pendapatan penengah bulanan isi rumah telah pulih kepada hampir RM3,000, iaitu kenaikan 32% berbanding tahap sebelum COVID. Pendapatan dalam kalangan ketua isi rumah wanita juga meningkat, sebanyak 23% atau RM300.

Rajah 1.1: Longitudinal: Pendapatan penengah isi rumah (RM)



Nota: Pendapatan merangkumi pendapatan bergaji, pendapatan bekerja sendiri, serta pendapatan harta dan pelaburan. Ia tidak termasuk pemindahan serta pencen yang diterima dalam satu-satu masa; Sampel longitudinal isi rumah yang diketuai oleh orang kurang upaya terlalu kecil (N=2). Oleh itu, ia tidak dimasukkan dalam analisis di bahagian ini.

Kemiskinan mutlak merujuk pada keadaan apabila pendapatan isi rumah tidak cukup untuk memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, rumah dan pakaian. Kaedah ukuran ini telah dilaksanakan sejak 1977 menggunakan pendekatan Kos Keperluan Asas. Kaedah ini menggunakan tahap keperluan minimum iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK terdiri daripada dua kategori iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Nilai PGK makanan diperolehi dengan menentukan keperluan kalori bagi sesebuah isi rumah. Nilai PGK yang digunakan dalam kajian ini ialah RM2,816 sebulan iaitu nilai PGK di Kuala Lumpur. Isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang dari RM2,816 sebulan akan dianggap sebagai miskin mutlak.

Pendapatan penengah isi rumah bagi yang diketuai orang kurang upaya adalah yang terendah (RM1,550) berbanding isi rumah diketuai oleh wanita (RM2,000) dan keseluruhan isi rumah (RM2,500).


Rajah 1.2: Pendapatan penengah isi rumah (RM)



Nota: Pendapatan merangkumi pendapatan bergaji, pendapatan bekerja sendiri, serta pendapatan harta dan pelaburan. Ia tidak termasuk pemindahan serta pencen yang diterima dalam satu-satu masa.

Majoriti isi rumah sudah kembali bekerja, menyebabkan **kadar pengangguran semakin berkurangan** dalam kalangan ketua isi rumah.


Rajah 1.3: Longitudinal: Kadar pengangguran (%)



Nota: Anggaran pengangguran terkini Malaysia adalah setakat Oktober 2023. Sampel longitudinal ketua isi rumah kurang upaya terlalu kecil (N=2). Oleh itu, ia tidak dimasukkan dalam analisis di bahagian ini. Kadar pengangguran dikira daripada keseluruhan ketua isi rumah berumur 15-64 tahun, sama ada bekerja atau menganggur secara aktif dan tidak aktif (Tenaga Buruh) Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). 2020. Laporan Survei Tenaga Buruh 2019. Putrajaya. Malaysia 2. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Oktober 2023. Tenaga Kerja Malaysia, Oktober 2023. Putrajaya. Malaysia

KIR kurang upaya mempunyai kadar pengangguran paling rendah berbanding keseluruhan KIR dan isi rumah diketuai oleh wanita. Ini menunjukkan **walaupun KIR kurang upaya mampu mendapat kerja, tahap gaji dan upah mereka rendah**.

Rajah 1.4: Kadar pengangguran (%)



Nota: Kadar pengangguran dikira daripada keseluruhan ketua isi rumah berumur 15-64 tahun, sama ada bekerja atau menganggur secara aktif dan tidak aktif (Tenaga Buruh)

Kadar kemiskinan menurun sedikit, seiring dengan pendapatan yang kembali pulih, namun tahapnya masih lagi sangat membimbangkan. Pada masa ini, 41% isi rumah hidup di bawah garis kemiskinan, sedikit lebih baik berbanding 44% sebelum pandemik. Kadar kemiskinan tertinggi dicatatkan dalam kalangan ketua isi rumah wanita, dengan 59% berada di bawah garis kemiskinan, meskipun ianya lebih baik berbanding 66% sebelum pandemik. Begitu juga, 40% daripada kanak-kanak tinggal dalam isi rumah miskin, berbanding 45% sebelum pandemik (Rajah 1.5).


Bagaimanapun, hampir semua isi rumah diketuai wanita dan kanak-kanak miskin dari segi relatif (Rajah 1.6). Kemiskinan relatif merupakan satu metrik penting, yang menggambarkan kemajuan taraf hidup yang seharusnya mengiringi pertumbuhan ekonomi. Walaupun kadar kemiskinan relatif isi rumah secara keseluruhannya berkurangan, turun daripada 92% sebelum pandemik kepada 78%, kemiskinan relatif dalam kalangan isi rumah diketuai wanita dan kanak-kanak masih lagi tinggi. Harus diingat juga, angka kemiskinan tertinggi baik mutlak (67%) dan relatif (92%) dicatatkan dalam kalangan ketua isi rumah kurang upaya (Rajah 1.7 dan Rajah 1.8).

Kemiskinan tegar masih ada, seperti digambarkan pada Rajah 1.9. Walaupun kemiskinan tegar di Kuala Lumpur hampir sifar, ia masih lagi menjadi isu penting dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Kadar kemiskinan tegar bagi isi rumah diketuai orang kurang upaya adalah 17%, sementara isi rumah diketuai wanita adalah 10%, dan 7% bagi semua kanak-kanak.

Kemiskinan turun sedikit, tetapi masih tinggi.

41% daripada isi rumah hidup di bawah paras kemiskinan, dan kadar itu lebih tinggi dalam kalangan KIR wanita (59%). 4 daripada 10 kanak-kanak tinggal dalam isi rumah miskin.


Rajah 1.5: Longitudinal: Insiden kemiskinan mutlak (%)



Nota: Kemiskinan mutlak merujuk pada keadaan apabila pendapatan isi rumah tidak cukup untuk memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, rumah dan pakaian. Kaedah ukuran ini telah dilaksanakan sejak 1977 menggunakan pendekatan Kos Keperluan Asas. Kaedah ini menggunakan tahap keperluan minimum iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK terdiri daripada dua kategori iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Nilai PGK makanan diperolehi dengan menentukan keperluan kalori bagi sesebuah isi rumah. Nilai PGK yang digunapakai dalam kajian ini ialah RM2,816 sebulan iaitu nilai PGK di Kuala Lumpur. Isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang dari RM2,816 sebulan akan dianggap sebagai miskin mutlak.

Hampir semua isi rumah diketuai oleh wanita dan kanak-kanak hidup dalam kemiskinan relatif.


Rajah 1.6: Longitudinal: Kadar kemiskinan relatif dalam kalangan isi rumah dan kanak-kanak (%)



Nota: Kemiskinan relatif mengukur kemajuan taraf hidup yang sepatutnya diraih daripada pertumbuhan ekonomi. Kadar kemiskinan relatif kanak-kanak dikira berdasarkan pendapatan isi rumah yang setara dan ditakrifkan daripada jumlah peratusan kanak-kanak (0-17 tahun). Jumlah pendapatan isi rumah dibahagi dengan punca kuasa dua saiz isi rumah. Nilai ambang kadar kemiskinan relatif bagi kanak-kanak diperolehi daripada 50% daripada pendapatan penengah setara isi rumah iaitu RM2,860 sebulan. Pendapatan isi rumah setara digunakan dengan andaian bahawa kerana semua anggota sesebuah isi rumah akan berkongsi pendapatan yang diperolehi. Kadar kemiskinan relatif bagi keseluruhan isi rumah dan isi rumah diketuai oleh wanita diperolehi berdasarkan nilai ambang pada RM5,117; 50% daripada pendapatan penengah kasar isi rumah di Kuala Lumpur. Sumber: OECD. 2021. Child Poverty: Definitions and methodology. OECD family database; DOSM. 2023. Kemiskinan di Malaysia 2022.

Insiden kemiskinan mutlak tertinggi dalam kalangan semua isi rumah adalah dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya, pada 67%, diikuti isi rumah diketuai oleh wanita pada 54%.


Rajah 1.7: Insiden kemiskinan mutlak (%)



Nota: Kemiskinan relatif mengukur kemajuan taraf hidup yang sepatutnya diraih daripada pertumbuhan ekonomi. Kadar kemiskinan relatif bagi keseluruhan isi rumah dan isi rumah diketuai oleh wanita diperolehi berdasarkan nilai ambang pada RM5,117; 50% daripada pendapatan penengah kasar isi rumah di Kuala Lumpur. Sumber: OECD. 2021. Child Poverty: Definitions and methodology. OECD family database; DOSM. 2023. Kemiskinan di Malaysia 2022.

Kemiskinan relatif tertinggi adalah dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya, pada 92%, diikuti isi rumah diketuai wanita pada 87%.


Rajah 1.8: Insiden kemiskinan relatif (%)



Nota:
Kemiskinan relatif mengukur kemajuan taraf hidup yang sepatutnya diraih daripada pertumbuhan ekonomi. Kadar kemiskinan relatif bagi keseluruhan isi rumah dan isi rumah diketuai oleh wanita diperolehi berdasarkan nilai ambang pada RM5,117; 50% daripada pendapatan penengah kasar isi rumah di Kuala Lumpur. Sumber: OECD, 2021. Child Poverty: Definitions and methodology. OECD family database; DOSM, 2023. Kemiskinan di Malaysia 2022.

Kemiskinan tegar masih wujud, terutamanya dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya.

Rajah 1.9: Insiden kemiskinan tegar (%)



Nota: Kemiskinan tegar ditakrif berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan Makanan iaitu RM1,109

Status Pekerjaan

Majoriti ketua isi rumah dan ahli keluarga adalah pekerja bergaji, dan hanya segelintir sahaja bekerja sendiri (Rajah 1.10). Pada masa sama, peratusan ketua isi rumah yang bekerja sendiri juga berkurangan, turun daripada hampir 1 daripada 5 pada 2021 kepada 1 daripada 4 pada 2023.

Ketua isi rumah wanita yang bekerja sendiri juga berkurangan sepanjang tempoh sama, menurun daripada 37% kepada 32%. Dalam kalangan keseluruhan anggota isi rumah yang bekerja, jumlah individu yang bekerja sendiri menurun sedikit, daripada 18.2% pada Mac 2021 kepada 17.8% pada Oktober 2023.

Bagaimanapun, 40% daripada pekerja masih tidak mempunyai perlindungan sosial berkaitan pekerjaan, seperti digambarkan pada Rajah 1.11. Ia lebih ketara dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri, iaitu 92% tidak mempunyai perlindungan tersebut, seperti digambarkan pada Rajah 1.12.

Perlindungan sosial kepada pekerja di Malaysia disediakan terutamanya melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Kedua-duanya diwajibkan ke atas pekerja bergaji di sektor formal. Bagaimanapun, penyertaan ke dalam skim perlindungan KWSP dan PERKESO ini adalah sukarela bagi mereka yang bekerja sendiri atau bekerja dalam sektor tidak formal. Ini menyebabkan ramai dalam kalangan mereka tidak mempunyai perlindungan sehingga mudah terdedah kepada kejutan ekonomi, yang seterusnya lebih menyulitkan mereka untuk menghadapi tekanan kewangan.


Majoriti ketua isi rumah dan ahli keluarga adalah pekerja bergaji. Ketua isi rumah yang bekerja sendiri makin berkurangan daripada lebih kurang 1 daripada 5 pada 2021 kepada 1 daripada 4 pada 2023.

Rajah 1.10: Longitudinal: Status pekerjaan (%)



Bagaimanapun, 40% daripada mereka yang bekerja, termasuk yang bekerja sendiri, tidak mempunyai perlindungan sosial berkaitan pekerjaan.

Rajah 1.11: Pekerjaan formal dan tidak formal dalam kalangan keseluruhan pekerja (%)




Nota: DOSM, 2020. Laporan Survei Tenaga Kerja Sektor Informal 2019. Putrajaya, Malaysia

* Pekerja dalam pekerjaan tidak formal merujuk kepada mana-mana pekerja yang tidak mempunyai akses terhadap sekurang-kurangnya satu skim keselamatan sosial atau manfaat pekerjaan. Skim keselamatan sosial dan manfaat pekerjaan merujuk pada berikut: pencen, insurans kesihatan asas, insurans kecederaan, faedah kurang upaya, faedah terselamat, cuti tahunan bergaji, cuti sakit bergaji, cuti bersalin bergaji, dan insurans pengangguran.

92% daripada mereka yang bekerja sendiri langsung tiada apa-apa perlindungan.

Rajah 1.12: Pekerja tidak formal dalam kalangan yang bekerja sendiri (%)



Nota: DOSM, 2020. Laporan Survei Tenaga Kerja Sektor Informal 2019. Putrajaya, Malaysia

* Pekerja dalam pekerjaan tidak formal merujuk kepada mana-mana pekerja yang tidak mempunyai akses terhadap sekurang-kurangnya satu skim keselamatan sosial atau manfaat pekerjaan. Skim keselamatan sosial dan manfaat pekerjaan merujuk pada berikut: pencen, insurans kesihatan asas, insurans kecederaan, faedah kurang upaya, faedah terselamat, cuti tahunan bergaji, cuti sakit bergaji, cuti bersalin bergaji, dan insurans pengangguran.


Bantuan Sosial

Lebih kurang 7 daripada 10 isi rumah menerima sekurang-kurangnya satu jenis bantuan sosial (Rajah 1.13). Program bantuan tunai kerajaan yang dikenali sebagai STR menjangkau hampir 68% isi rumah yang tinggal di flat kos rendah yang ditinjau, menunjukkan satu jangkauan yang besar. Bantuan lain yang diterima termasuk zakat, dengan hampir 1 daripada 4 isi rumah mendapat manfaatnya. Selebihnya, 1 daripada 10 isi rumah mendapat bantuan daripada ahli keluarga yang lain manakala sejumlah yang sama bergantung pada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.


Di sebalik usaha-usaha ini, masih ada kumpulan isi rumah yang tidak menerima bantuan daripada program sedia ada. Ini menunjukkan perlunya program sedia ada diperluaskan, seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.14. Secara khususnya, cakupan program bantuan tunai kerajaan, STR, tidak memadai. Data pada Oktober 2023 mendedahkan kira-kira 30% isi rumah dengan pendapatan RM2,000 dan ke bawah tidak menerima STR. Ini menunjukkan kepincangan dalam mekanisme sasaran program. Jangkauan bantuan sosial yang tidak meluas bukan perkara baharu. Kajian Bank Dunia mendapati satu pertiga daripada isi rumah yang layak di seluruh negara tidak menerima sebarang bantuan tunai semasa pandemik. Ini sekali lagi menunjukkan kepincangan dalam sistem penyampaian bantuan sosial bersasar.²¹

Lebih kurang 7 daripada 10 isi rumah menerima sekurang-kurangnya satu jenis bantuan sosial. Namun, ada keperluan mendesak untuk memperluaskan kelayakan untuk program bantuan tunai.

Rajah 1.13: Isi rumah mengikut jenis bantuan diterima (%)



Rajah 1.14: Isi rumah menerima STR mengikut kelas pendapatan (%)



Nota: Menerima sekurang-kurangnya salah satu bantuan berikut: STR, Zakat, atau JKM. Lain-lain termasuk bantuan bawah Program Bakul Makanan dan program E-Wallet. Jawapan boleh lebih daripada satu.


21 World Bank, 2021. Malaysia Economic Monitor, Disember 2021: Staying Afloat.

Sebahagian besar isi rumah miskin tegar juga masih tidak mendapat bantuan kebajikan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Isi rumah miskin tegar ditakrifkan sebagai mereka dengan pendapatan bulanan per kapita kurang daripada RM1,000, jumlah yang hampir selaras dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per kapita di Kuala Lumpur yang ditetapkan pada RM880 sebulan. Apa yang membimbangkan, hanya kira-kira 1 daripada 10 isi rumah dengan pendapatan bulanan kurang RM1,000 menerima bantuan yang kritikal ini, seperti ditunjukkan pada Rajah 1.15. Perlu ditekankan bahawa bantuan JKM diberikan khusus untuk membantu individu atau isi rumah miskin tegar dengan pendapatan isi rumah bulanan bawah RM1,109, atau RM347 per kapita di Kuala Lumpur.


Dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya, lebih separuh daripada mereka yang berpendapatan kurang RM1,000 sebulan tidak menerima bantuan JKM (Rajah 1.16). Ini menunjukkan ada keperluan mendesak untuk intervensi dan pelarasan dasar demi memastikan bantuan berkenaan sampai kepada kumpulan masyarakat yang paling memerlukan.

Jangkauan bantuan sosial perlu diperluaskan.

Rajah 1.15: Isi rumah yang menerima bantuan JKM mengikut kelas pendapatan (pendapatan per kapita) (%)



Rajah 1.16: Isi rumah dengan orang kurang upaya yang menerima bantuan JKM mengikut kelas pendapatan (pendapatan per kapita) (%)



Bahagian 2

Kos Sara Hidup

Kesan kos sara hidup yang meningkat dirasai oleh majoriti ketua isi rumah (Rajah 2.1). Sebanyak 93% daripada semua ketua isi rumah, termasuk isi rumah diketuai wanita (91%) serta isi rumah diketuai orang kurang upaya (83%), tertekan dengan kenaikan kos sara hidup.

Sebanyak 46% ketua isi rumah percaya kedudukan kewangan mereka sekarang lebih teruk berbanding tahun sebelumnya. Keadaan itu lebih serius dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya, dengan hampir 6 daripada 10 menunjukkan keadaan kewangan yang teruk, sementara hanya lebih kurang 1 daripada 10 melaporkan ada kemajuan. Begitu juga, hampir separuh daripada isi rumah diketuai wanita melaporkan keadaan kewangan mereka merosot berbanding tahun sebelumnya.

Keluarga berhadapan dengan hambatan besar untuk memenuhi keperluan harian mereka (Rajah 2.2). Lebih kurang 7 daripada 10 daripada semua ketua isi rumah menyatakan pendapatan mereka sekarang hampir tidak cukup untuk menyara keperluan harian keluarga. Keadaan ini lebih mencabar bagi isi rumah diketuai wanita dan isi rumah diketuai orang kurang upaya, masing-masing 74% dan 92% menyatakan pendapatan mereka tidak cukup.


Hakikatnya, kedaifan kewangan mereka pada masa ini lebih perit berbanding pengalaman semasa kemuncak pandemik. Ketika pandemik pada September 2020, 30% daripada ketua isi rumah percaya pendapatan mereka mencukupi. Namun, angka itu menjunam separuh kepada 15% berbanding pada Oktober 2023, dengan 81% ketua isi rumah menyatakan kedudukan kewangan mereka sekarang lebih sengsara.




Majoriti ketua isi rumah bergelut untuk menangani kos sara hidup yang meningkat dan mendapati kedudukan kewangan mereka lebih mendesak berbanding setahun yang lalu.

Rajah 2.1: Kesan kos sara hidup (%)

S: Adakah anda terjejas dengan kos sara hidup yang tinggi?




S: Bagaimanakah kedudukan kewangan anda sekarang berbanding setahun yang lalu?




Keluarga berdepan cabaran besar untuk memenuhi keperluan harian mereka, dengan **tahap kerentanan sekarang melampaui tahap yang mereka alami ketika pandemik.**

Rajah 2.2: Pendapatan semasa untuk memenuhi keperluan harian (%)

S: Adakah anda rasa pendapatan semasa mencukupi untuk memenuhi keperluan harian keluarga?



S: Adakah anda rasa pendapatan semasa mencukupi untuk memenuhi keperluan harian keluarga?



Keluhan Rakyat: Kos Sara Hidup

***Rasa nak menangis
tengok harga beras.***

(Cik M., 35, ibu tunggal, peniaga kuih kecil-kecilan, penjaga kepada anak kurang upaya)

***Sebelum ini, RM50 boleh
beli macam-macam.
Sekarang hanya cukup
untuk dua tiga barang
saja... beras dan minyak
[masak].***

(Cik S., 25, pekerja runcit, ibu kepada anak kecil)

***Sebelum ni kita beli
beras RM13 dapat 5kg
kan? Tapi sekarang dah
RM20 [lebih mahal].***

(Cik R., 45, suri rumah sepenuh masa, ibu kepada anak kecil)

***[Kos sara hidup yang
semakin tinggi] bagi
kesan yang besar...
Semua barang harga
naik sekarang.***

(Cik R., 55, suri rumah sepenuh masa, nenek kepada cucu kecil)

***Kami belanja banyak
untuk susu, pampers..
Semua barang ni dah
naik. Baby kami bagi
susu Anmum, RM80 1kg.
Sebulan baby minum
5kg.***

(Cik S., 20, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

***Saya tak naikkan [harga]
kalau tak, takda orang
nak beli. Kami tak mahu
susahkan orang. Saya akan
kurangkan harga jika boleh.***

(Cik M., 35, ibu tunggal, peniaga kuih kecil-kecilan, ibu kepada anak kurang upaya)

***Barang baby mahal – tak
tahu macam mana nak
hadap lepas dapat anak
ni.***

(Cik H., 20, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

Nutrisi

Kanak-kanak menerima kesan yang paling ketara daripada kenaikan kos sara hidup, di mana kebanyakan daripada mereka tidak menerima makanan berkhasiat dan mencukupi (Rajah 2.3).

Lebih separuh kanak-kanak (52%) makan kurang daripada tiga kali sehari, bertambah berbanding 45% yang dilaporkan sebelum pandemik. Kekurangan zat makanan ini juga dialami oleh kanak-kanak dalam isi rumah diketuai wanita dan mereka dalam isi rumah diketuai orang kurang upaya — keadaan yang menunjukkan betapa meluasnya cabaran ini.


Cabaran tidak cukup makan dalam kalangan kanak-kanak disulitkan lagi dengan beban tidak cukup akses kepada makanan berzat. Harga makanan yang tinggi serta kekangan kewangan merupakan hambatan utama kepada ibu bapa yang bermati-matian cuba menyediakan makanan yang seimbang dan sihat kepada anak-anak mereka (Rajah 2.4).

Hampir 6 daripada 10 ketua isi rumah, termasuk wanita dan orang kurang upaya yang menjadi ketua isi rumah, menyatakan harga yang tinggi sebagai halangan utama untuk mereka menyediakan makanan berzat kepada anak-anak. Selain itu, 1 daripada 4 ketua isi rumah dan isi rumah diketuai wanita mengatakan pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menyediakan makanan berkhasiat. Angka ini lebih tinggi dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya, dengan hampir 1 daripada 3 menyatakan pendapatan mereka hampir tidak memadai untuk menyediakan makanan yang berkhasiat dengan cukup.

Lebih kurang 2 daripada 10 responden di semua isi rumah menyebut kekangan masa dan makanan segera yang lebih murah dan lebih mudah dibeli sebagai satu lagi cabaran untuk menyediakan makanan berkhasiat kepada anak-anak mereka.

Kanak-kanak terkena tamparan yang teruk akibat kesan kenaikan kos sara hidup, dengan lebih separuh daripada mereka makan kurang tiga kali sehari, lebih parah berbanding semasa pandemik.

Rajah 2.3: Pengambilan makanan dalam kalangan kanak-kanak (%)



Pelbagai strategi digunakan oleh isi rumah untuk menangani kos sara hidup yang meningkat, biarpun sesetengah strategi ini, misalnya mengurangkan pengambilan makanan, mempunyai kesan sampingan ke atas hasil pemakanan (Rajah 2.5).

Pada peringkat awal pandemik, ramai KIR bergantung pada bantuan kerajaan, iaitu 39%, diikuti menggunakan simpanan masing-masing. Bagaimanapun, ianya berubah pasca pandemik.


Kini, 40% daripada semua ketua isi rumah, termasuk isi rumah diketuai oleh wanita, mengatakan mereka terpaksa mengurangkan belanja, terutamanya barangan bukan makanan untuk menangani kos sara hidup yang tinggi. Jumlah ini bahkan lebih tinggi dalam kalangan isi rumah diketuai orang kurang upaya, pada 50%. Selain itu, lebih kurang 1

daripada 3 isi rumah terpaksa menyeluk simpanan mereka yang terhad, barangkali kerana kurangnya bantuan kerajaan berbanding semasa peringkat awal pandemik.

Kira-kira 1 daripada 3 isi rumah pula terpaksa mengurangkan pengambilan makanan. Jalan keluar lain yang mereka ambil ialah melakukan kerja tambahan, mengeluarkan simpanan hari tua daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), menagih bantuan kewangan daripada keluarga dan kawan-kawan, serta menjual barangan peribadi seperti telefon mudah alih. Cara-cara ini menunjukkan tahap tekanan ekonomi yang mereka alami serta sejauh mana kesanggupan mereka untuk memenuhi keperluan hidup.

Harga makanan yang tinggi dan kekangan kewangan adalah penghalang utama kepada ibu bapa untuk menyediakan makanan berkhasiat kepada anak-anak mereka.


Rajah 2.4: Cabaran dalam menyediakan makanan berkhasiat (%)



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.

Untuk menangani kesan kenaikan kos sara hidup, isi rumah menjimatkan perbelanjaan, mengurangkan makan, kerja lebih masa, mengorek simpanan, meminjam daripada ahli keluarga atau kawan-kawan, atau menjual barangan milik peribadi.

Rajah 2.5: Strategi untuk meringankan kenaikan kos sara hidup (%)



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.

Tabiat pemakanan telah berubah dengan ketara apabila responden mengatakan mereka makan lebih banyak telur, nasi, dan mee segera (Rajah 2.6). Lebih kurang 7 daripada 10 isi rumah mengatakan mereka lebih banyak berbelanja untuk telur — sumber protein paling murah, berbanding 52% semasa pandemik. Begitu juga, 7 daripada 10 isi rumah turut mengatakan mereka lebih banyak membeli beras berbanding 4 daripada 10 dalam tempoh yang sama.

Namun, pengambilan makanan kurang sihat telah meningkat, dengan 46% melaporkan makan lebih banyak mee segera berbanding 40% semasa pandemik.

Perubahan pola pemakanan ini mencerminkan langkah-langkah penyesuaian yang diambil oleh isi rumah untuk mengharungi cabaran kenaikan kos sara hidup dengan mengutamakan kemampuan poket berbanding pertimbangan khasiat makanan.

Tabiat pemakanan sudah berubah, iaitu lebih banyak makan telur, nasi, dan mi segera.

Rajah 2.6: Pola pemakanan mengikut barangan makanan (%)



Keluhan Rakyat: Mengatasi Kos Sara Hidup

Kami jual barang kami. Contohnya barang kanak-kanak atau pakaian yang dah tak guna dan masih elok. Kami jual online.

(Cik M., 35, ibu tunggal, peniaga kuih kecil-kecilan, ibu kepada anak kurang upaya)

Suami saya jual telefon bimbit dia sebab terdesak, dah takda duit nak beli makanan masa tu.

(Cik R., 33, suri rumah sepenuh masa)

Kami tangguh dulu [bayar sewa]... hanya bayar hujung bulan... Bayaran ansuran motosikal pun terpaksa kami tangguh.

(Cik R., 45, suri rumah sepenuh masa, ibu kepada anak kecil)

Masa rawatan anak saya, saya tak makan sebab nak jimat duit. Saya tak beli pakaian baru. Kadang-kadang saya beli pakaian bundle.

(Cik N., 30, bekerja sendiri, ibu kepada anak autisme)

Kami pernah pinjam dengan Ah Long... Bunga kena bayar terlalu tinggi. [Kami] tak tahan.

(Cik Z., 30, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

Bahagian 3


Pendidikan

Akses kepada pendidikan awal masih lagi begitu membimbangkan, ketika kadar enrolmen prasekolah pada masa ini ialah 71%, lebih rendah daripada 87% purata kebangsaan (Rajah 3.1). Bagaimanapun, kadar enrolmen pada tahap lain pendidikan sepadan atau mengatasi purata kebangsaan. Misalnya, kadar enrolmen dalam kalangan pelajar dari isi rumah yang ditinjau di kawasan ini adalah hampir 99%, yang jelas melangkaui purata kebangsaan iaitu lebih kurang 91%.

Biarpun kadar enrolmen di sekolah rendah dan menengah secara relatifnya tinggi, sentimen yang ada pada sebahagian besar ketua isi rumah ialah kos pendidikan sudah naik sejak awal pandemik, dengan lebih kurang 8 daripada 10 mengatakan perbelanjaan mereka bertambah untuk pendidikan (Rajah 3.2).


Enrolmen di peringkat prasekolah masih membimbangkan. Namun, kadar enrolmen di peringkat pendidikan yang lain adalah setara atau lebih tinggi berbanding purata nasional. Majoriti ketua isi rumah percaya kos pendidikan sudah meningkat sejak pandemik bermula.

Rajah 3.1: Kadar kasar enrolmen (%)



Rajah 3.2: Kos pendidikan

S: Adakah anda fikir kos pendidikan sekarang sudah meningkat sejak pandemik (2020/2021)? (%)



Sumber: KPM 2023: Fakta Singkat 2022; Kementerian Ekonomi, 2023. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

Nota: Kos pendidikan merangkumi duit belanja harian, pengangkutan, kegiatan kokurikulum, dan makanan di kantin sekolah.

Sentimen ini ketara terutamanya dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya, yang menunjukkan lebih besarnya beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga ini berbanding orang lain. Kos tambahan ini menambah lagi bebas kewangan ke atas keluarga, terutamanya mereka yang sudah sedia berhempas pulas dengan cabaran ekonomi yang lebih parah akibat pandemik. Ia juga menonjolkan keperluan intervensi bersasar bagi memastikan akses yang saksama kepada pendidikan berkualiti, terutamanya pada peringkat awal masa kecil (Rajah 3.2).


Ibu bapa begitu bimbang mengenai pelbagai aspek pendidikan anak-anak mereka, seperti yang dipaparkan pada Rajah 3.3. Kebimbangan ini meliputi akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan selepas habis belajar, kepayahan pembelajaran, pemulihan daripada masalah pembelajaran yang berbangkit akibat pandemik, serta memastikan suasana pembelajaran yang selamat dan kondusif. Bagaimanapun, isi rumah yang diketuai orang kurang upaya dilihat lebih bertumpu pada usaha menangani

kesukaran pembelajaran dan memastikan suasana pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk anak-anak mereka, berbanding ibu bapa lain. Cabaran unik yang mereka hadapi ini mesti ditangani, serta diberikan dukungan yang cukup, demi memastikan kejayaan serta kesejahteraan pendidikan anak-anak mereka.



Pendidikan anak-anak kian mencabar. Isi rumah yang diketuai orang kurang upaya memberi keutamaan untuk mengatasi kesukaran pembelajaran serta memastikan suasana pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk anak-anak mereka.

Rajah 3.3: Kebimbangan terbesar mengenai pendidikan anak-anak



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.

Keluhan Rakyat: Pendidikan

Anak saya tak bersekolah... Saya tak mampu.

(Cik R., 33, suri rumah sepenuh masa)

Dulu boleh lah [cukup bagi anak] RM5 [ke sekolah]. Sekarang kena bagi RM6-7

(Cik Z., 42, suri rumah dan bekerja sebagai pengawal keselamatan, ibu kepada anak kecil)

[Kosnya] banyak. Keperluan untuk dia (anak kurang upaya) banyak.

(Cik N., 62, pencuci, penjaga kepada anak kurang upaya)

Bila [anak] balik [dari sekolah] dia minta tolong [tengokkan homewok], kami tak mampu nak tolong... rasa tertekan. Sejajurnya, saya tak tahu macam mana untuk bantu anak-anak saya. Nak hantar tuisyen mahal. Saya tertekan.

(Cik M., 30, ibu tunggal, peniaga kuih kecil-kecilan, penjaga anak kurang upaya)

[Saya] tersepit. [Anak] saya kena hantar ke kelas tambahan... [Kosnya] RM700 sebulan. Saya dah mohon Baitulmal.

(Cik F., 38, suri rumah, tukang jahit sambilan, ibu kepada kanak-kanak kurang upaya)

Sehelai baju Kadet Remaja Sekolah (KRS) harga RM200. Aktiviti pun perlukan duit... bayar van sekolah pun RM100 untuk seorang.

(Cik Z., 30, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

Kami taknak merungut, tapi [sekarang] buku mahal, pakaian sukan pun mahal.

(Cik F., 27, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

[Penjagaan anak OKU] saya perlukan wang. [Tapi] Saya kena peruntukkan duit untuk anak-anak saya yang lain juga. Anak OKU saya dapat bantuan hilang upaya. Tapi kadang-kadang saya terpaksa guna untuk beli pampers untuk anak-anak saya yang lain. Saya belanja RM10 sehari untuk anak OKU saya kalau dia pergi sekolah, ni tak termasuk kos aktivitinya di sekolah.

(Cik N., 30, pekerja sendiri, penjaga kanak-kanak autisme)

Bahagian 4

Kesihatan

Majoriti ketua isi rumah, kira-kira 3 daripada 4, menganggap keadaan kesihatan mereka sama ada tidak berubah atau merosot sejak pandemik bermula, dengan hanya 1 daripada 4 mengatakan kesihatan mereka bertambah baik (Rajah 4.1). Bagaimanapun, keadaannya berbeza sama sekali bagi isi rumah yang diketuai orang kurang upaya apabila 58% menyatakan keadaan kesihatan mereka sudah merosot berbanding semasa pandemik, manakala hanya 8% mengatakan bertambah baik. Ini menunjukkan kerentanan berterusan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya, yang berhadapan dengan cabaran kesihatan yang unik, yang diparahkan lagi dengan tekanan kos sara hidup yang meningkat.

Kesedaran mengenai kesihatan seksual masih lagi kurang. Hanya separuh daripada ketua isi rumah wanita tahu bagaimana untuk mendapatkan khidmat dan maklumat mengenai hak kesihatan seksual dan reproduktif (SRHR) (Rajah 4.2).

Kurangnya kesedaran ini membimbangkan terutamanya dalam kalangan mereka yang berpendidikan rendah, seperti yang dipaparkan pada Rajah 4.3. Hanya 40% daripada ketua isi rumah wanita dengan tahap pendidikan rendah tahu cara untuk mendapatkan maklumat atau perkhidmatan berkaitan kesihatan seksual dan kesuburan, berbanding hampir 70% dalam kalangan mereka yang berpendidikan tinggi.


Namun, dalam kalangan isi rumah diketuai wanita yang berpendidikan tinggi sekali pun, 3 daripada 10 tidak dapat dengan tepat mengenal pasti bagaimana hendak mendapatkan maklumat penting dan perkhidmatan ini. Isi rumah ini sangat bergantung pada penyedia penjagaan kesihatan untuk mendapatkan maklumat mengenai SRHR (Rajah 4.4). Ini menunjukkan pendidikan kesihatan seksual dan kempen kesedaran sedia ada, terutamanya yang menasasarkan kumpulan terpinggir dengan tahap pendidikan rendah, mempunyai kepincangan dan perlu ditambahbaik. Pelaburan bagi meningkatkan kesedaran tentang SRHR telah terbukti menghasilkan kesan sosioekonomi yang positif antaranya meningkatkan penyertaan wanita di dalam pasaran buruh serta mengelak kehamilan yang tidak dikehendaki.²⁴ Meningkatkan akses kepada maklumat dan perkhidmatan SRHR yang betul adalah mustahak untuk menggalakkan kesihatan seksual dan kesejahteraan semua kumpulan masyarakat.



24 UNFPA Malaysia, 2022. Enhancing Human Capital Through Sexual & Reproductive Health Investments and Family Support Policies in Malaysia.


Majoriti ketua isi rumah kurang upaya merasakan keadaan kesihatan mereka merosot sejak pandemik.

Rajah 4.1: Keadaan kesihatan (%)




Rajah 4.2: Maklumat mengenai SRHR (%)

S: Adakah anda tahu di mana anda boleh mendapatkan perkhidmatan dan maklumat mengenai SRHR?




Lebih kurang 2 daripada 5 ketua isi rumah wanita kurang tahu bagaimana untuk mendapatkan perkhidmatan dan maklumat mengenai hak kesihatan seksual dan reproduktif (SRHR), terutama mereka yang berpendidikan rendah. **Lebih kurang 7 daripada 10 ketua rumah mendapatkan maklumat SRHR daripada penyedia penjagaan kesihatan.**

Rajah 4.3: Maklumat mengenai SRHR, mengikut tahap pendidikan (%)



Rajah 4.4: Sumber maklumat mengenai SRHR (%)



Keluhan Rakyat: Kesihatan

[Doktor] ada nasihat kami tentang perancangan keluarga... dan kesihatan anak, makanan yang sihat, dan perkembangan pembelajaran.

(Cik H., 20, suri rumah sepenuh masa, ibu mengandung)

Saya ada anak yang menghidap asma. [Bawak] dia pergi ke hospital. Nasib baik bil ok, sebab ada [bantuan] B40.

(Cik Z., 42, suri rumah dan bekerja sebagai pengawal keselamatan, ibu kepada anak kecil)

Saya tahu tentang pap smear, bila kami datang selepas bersalin, [doktor] akan bagitahu bahawa kami perlu lakukan pemeriksaan setiap 6 bulan.

(Cik Z., 42, suri rumah dan bekerja sebagai pengawal keselamatan, ibu kepada anak kecil)

[Saya] cuma makan pil [untuk perancangan keluarga] yang disediakan oleh klinik [awam]. Saya tak beli [pil].

(Cik S., 20, suri rumah sepenuh masa ibu mengandung)

[Perkhidmatan Kesihatan sebelum dan selepas bersalin] bagus kat sini [Klinik Kesihatan awam]. Saya boleh mendapatkan semua vitamin. Saya terima perkhidmatan yang lengkap.

(Cik Z., 25, bekerja sendiri, ibu mengandung)

Kalau kami sakit, kita hanya akan makan Panadol. Pergi ke klinik swasta mahal.

(Cik R., 33, suri rumah sepenuh masa, ibu kepada anak kecil)

Jika cucu sakit teruk... Saya kena fikir [kosnya]... Berapa kos [Grab/ Teksi]. kalau saya boleh naik MRT, [saya akan] naik MRT.

(Cik A., 58, peniaga kuih kecil-kecilan, penjaga ahli keluarga terlantar)

Bahagian 5

Kesejahteraan Psikososial

Semasa pandemik, responden bertarung dengan rasa bimbang serta kesan negatif psikososial yang lain, yang kebanyakannya berpunca daripada kedudukan kewangan yang tidak terjamin. Isi rumah yang diketuai wanita yang paling terjejas, sekali gus menunjukkan betapa semakin rentannya ekonomi mereka. Selepas pandemik, kebanyakan ketua isi rumah mengatakan kos sara hidup yang meningkat sangat menjejaskan kesihatan mental mereka (Rajah 5.1). Hampir 3 daripada 4 isi rumah menyatakan kenaikan kos sara hidup mempunyai kesan negatif kepada kesihatan mental mereka, dengan kadar yang lebih tinggi sedikit dilihat dalam kalangan isi rumah yang diketuai orang kurang upaya.


Kadar kemurungan juga semakin teruk (Rajah 5.2). Jumlah isi rumah yang mengalami kemurungan meningkat daripada 21% pada September 2020 kepada 28% pada Oktober 2023. Trend ini konsisten dalam isi rumah diketuai wanita, dengan kadarnya berlegar pada sekitar 29% ke 29% dalam tempoh ini, walaupun ada peningkatan yang ketara dari 22% pada Mac 2021.

Lebih kurang 30% daripada ketua isi rumah percaya bahawa kedudukan kewangan mereka akan terus merosot, berbanding 25% pada 2022 walaupun lebih rendah daripada 40% yang dicatat pada 2021 (Rajah 5.1). Sebaliknya, 24% optimis kedudukan kewangan mereka akan bertambah baik, sementara 31% tidak pasti tentang masa depan.

Majoriti ketua isi rumah menyatakan kenaikan kos sara hidup memberi kesan negatif kepada kesejahteraan mental mereka.


Rajah 5.1: Insiden tekanan mental

S: Adakah kenaikan kos sara hidup menjejaskan kesejahteraan mental anda?



Kadar kemurungan semakin teruk, meningkat daripada 21% semasa pandemik kepada 28% dalam kalangan ketua isi rumah.

Rajah 5.2: Kesihatan mental semasa




■ Kemurungan
 ■ Tingkah laku tidak terkawal
 ■ Emosi tidak stabil
 ■ Sukar tumpu perhatian
 ■ Tiada masalah

Nota: Oleh sebab jawapan lebih daripada satu dibenarkan, bar carta melebihi 100%.

Satu daripada tiga KIR percaya kedudukan kewangan mereka akan terus merosot, berbanding satu daripada empat pada 2021.

Rajah 5.3: Jangkaan kedudukan kewangan pada masa akan datang

S: Bagaimanakah kedudukan kewangan akan berubah pada masa akan datang? (%)



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.

Keluhan Rakyat: Kesejahteraan Psikososial

Kami betul-betul stress sekarang... Suami pun stress. [Bila tertekan] Saya hanya berdoa. Kami tak mampu untuk pergi "healing" [bercuti].. Kami takda duit, tak mungkin [untuk pergi bercuti].

(Cik F., 38, suri rumah, tukang jahit sambilan, penjaga kanak-kanak kurang upaya)

[Untuk hilangkan stress] selalunya pergi jalan-jalan dekat tasik dekat rumah. Kadang-kadang dua kali sebulan.

(Cik I., 25, kerani, ibu kepada anak kecil)

Saya pergi ke klinik untuk rawat kemurungan saya. Saya makan ubat penenang.. baru boleh tidur.

(Cik A., baru menganggur)

[Untuk kurangkan stress] Saya hadir ke kelas agama.

(Cik R., 55, suri rumah sepenuh masa, nenek kepada cucu kecil)

[Saya ada anxiety. Untuk kawal emosi] kadang-kadang saya berdoa, urut dada dan berdoa agar Allah Rahmati hidup kita. Saya makan ubat [diberi oleh Hospital KL]... ubat untuk saya tenang... Tapi sekarang saya sebab ada baby, saya [stop sekejap] makan [ubat].

(Cik J., 30, suri rumah sepenuh masa, ibu kepada anak kecil)

Bahagian 6

Pilihan Dasar

Gaji dan upah yang lebih tinggi adalah harapan isi rumah untuk meringankan kesan kenaikan kos sara hidup (Rajah 6.1) terutama dalam kalangan isi rumah diketuai oleh wanita. Lebih kurang 40% daripada keseluruhan isi rumah dan isi rumah diketuai oleh wanita menyatakan mereka lebih mengutamakan kadar gaji dan upah yang lebih tinggi. Bagaimanapun, dalam kalangan ketua isi rumah kurang upaya, bantuan yang lebih diutamakan oleh mereka ialah bantuan tunai, diikuti bantuan modal untuk perniagaan kecil.


Selain itu, bantuan tunai dan kawalan harga barangan makanan asas juga diterima sebagai langkah penting untuk meringankan beban kewangan (Rajah 6.2). Peruntukan bantuan tunai langsung memberikan kelegaan sementara, memberikan keluarga kelonggaran untuk menyediakan peruntukan mengikut keperluan mereka yang paling mendesak. Pada masa sama, kawalan harga barangan makanan asas dapat menampan tekanan inflasi, sekali gus memastikan akses kepada barangan asas.

Bantuan kesihatan dan pendidikan tidak begitu diutamakan kerana liputan akses terhadap kesihatan awam adalah universal dan akses terhadap pendidikan awam adalah tersedia kepada rakyat Malaysia.



Bagi ketua isi rumah, gaji dan upah lebih tinggi lebih diutamakan berbanding bantuan tunai atau subsidi.


Rajah 6.1: Dasar yang paling diperlukan (%)



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.

Bantuan tunai dan kawalan harga atas barangan makanan terbukti paling bermanfaat kepada isi rumah. Hanya 7% menyatakan subsidi petrol membantu.

Rajah 6.2: Dasar Kerajaan sedia ada yang paling bermanfaat (%)



Nota: Jawapan boleh lebih daripada satu.


***Tindakan Lanjut
dan Cadangan
Dasar***

Cadangan Dasar

1. Elaun Penjagaan Untuk Semua Kanak-Kanak

Tempoh paling penting dalam perkembangan kanak-kanak adalah 1,000 hari pertama. Elaun penjagaan untuk semua kanak-kanak dalam dalam tempoh ini akan menjadi langkah pertama dalam peluasan lantai perlindungan sosial yang progresif untuk kanak-kanak di Malaysia.

Kosnya berpatutan; menyediakan RM200 sebulan untuk semua ibu mengandung dan kanak-kanak berumur bawah 2 tahun memerlukan peruntukan lebih kurang RM2.2 bilion setahun, bersamaan 0.12% daripada KDNK. Elaun bulanan ini harus disalurkan terus kepada (bakal) ibu.



2. Elaun Untuk Semua Orang Kurang Upaya

Berbanding kumpulan lain, orang kurang upaya dihadapakan dengan cabaran ekonomi lebih besar kerana kecilnya kebarangkalian untuk bekerja sepenuh masa dan menanggung kos penjagaan kesihatan tambahan yang berkaitan dengan ketidakupayaan termasuk pengangkutan dan alat serta khidmat bantuan.²⁵ Elaun sejagat penting untuk menyediakan tahap jaminan pendapatan yang memadai dan melengkapkan perlindungan penjagaan kesihatan dan pekerjaan yang sedia ada. Kos kewangan untuk menyediakan elaun tunai sejagat bagi semua orang kurang upaya berdaftar di negara ini dianggarkan kira-kira RM3.2 bilion atau 0.17% daripada KDNK. Suatu elaun khas juga perlu diwujudkan untuk penjaga utama kepada anggota keluarga orang kurang upaya. Penjaga utama ini, yang kebanyakannya wanita, selalunya terpaksa berhenti kerja atau mengurangkan kegiatan ekonomi atau yang mendatangkan pendapatan kepada mereka. Selain tiada pekerjaan tetap, mereka juga tidak mempunyai manfaat pekerjaan yang sepatutnya misalnya penjagaan kesihatan serta pencen atau kumpulan wang simpanan. Pada masa ini, bantuan disalurkan kepada orang kurang upaya tetapi bantuan seumpamanya tidak diberikan kepada penjaga mereka.




²⁵ United Nations. 2017. Social Protection for Person with Disabilities.

3. Mengukuhkan Bantuan Sosial

Bantuan sosial untuk golongan miskin dicadangkan supaya dirombak semula, terutamanya program bantuan JKM. Pada masa ini, bantuan JKM disalurkan kepada isi rumah miskin tegar (isi rumah dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1,198 sebulan atau RM315 per kapita). Bantuan ini sepatutnya diperluaskan sekurang-kurangnya kepada mereka yang di bawah pendapatan garis kemiskinan, atau isi rumah dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM2,589 (RM681 per kapita). Pada 2022, JKM membelanjakan RM2.5 bilion untuk bantuan kewangan. Langkah meluaskan bantuan ini kepada semua isi rumah miskin akan memerlukan tambahan biaya RM5 bilion. Kos kewangan kepada kerajaan adalah bersamaan 0.4% daripada KDNK, atau 2.6% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi 2024.²⁶ Di samping itu, pemerkasaan tenaga kerja perkhidmatan sosial juga adalah amat penting bagi memastikan isi rumah yang jatuh ke dalam kancah kemiskinan dapat dikenal pasti dan menerima sokongan bantuan sosial serta merta.

26 Berita Harian, 2020. RM5 bilion untuk bantuan Kebajikan; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023. Laporan Statistik 2022. Jadual 1.1 Bantuan Kewangan Mengikut Negeri 2022; Kementerian Kewangan, 2023. Belanjawan 2024: Reformasi ekonomi, Memperkasakan rakyat.



4. Meningkatkan Kesedaran SRHR dan Kesejahteraan Mental

Pemerluasan kesedaran tentang kesihatan seksual dan reproduktif melalui program khidmat masyarakat adalah penting bagi membolehkan individu membuat keputusan yang tepat dan berpandukan fakta mengenai kesihatan mereka. Selain itu, program sokongan kesihatan mental juga perlu diperluaskan ke seluruh negara bagi memastikan individu menerima sokongan yang diperlukan supaya kesejahteraan mental mereka terpelihara.



5. Memberikan Gaji dan Upah yang Adil

Tahap gaji minimum pada masa ini terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk pekerja.

Setelah mengambil kira beberapa faktor utama seperti kos sara hidup, pendapatan garis kemiskinan, gaji penengah, dan produktiviti, kadar gaji minimum yang sepatutnya adalah RM2,102.²⁷

Kadar gaji minimum baharu harus disemak semula. Tahap gaji minimum baharu yang dicadangkan ini adalah sedikit lebih rendah berbanding tahap gaji wajar yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak RM2,700 sebulan.²⁸



27 National Wages Consultative Council Malaysia. 2018. Minimum Wages Policy in Malaysia.
28 Bank Negara Malaysia. 2018. The Living Wage: beyond making ends meet.

6. Menambahbaik Perlindungan Sosial

Semua pekerja, tanpa mengira status pekerjaan, mesti dilindungi dengan perlindungan sosial. Pekerja di sektor tidak formal tidak diwajibkan untuk mencarum ke KWSP dan PERKESO, berbeza dengan pekerja di sektor formal.


Perlindungan KWSP dan PERKESO hendaklah diwajibkan ke atas semua pekerja, terutamanya di sektor tidak formal, bagi melindungi mereka daripada kecederaan, pengangguran, serta kemiskinan pada hari tua.



Lampiran

Lampiran 1: Peta isi rumah yang ditinjau

Rajah A.1: Peta isi rumah yang ditinjau



Lampiran 2: Pendekatan dan Metodologi

Kajian ini memakai pendekatan pelbagai kaedah dengan menggunakan tinjauan kuantitatif dan kualitatif.

Tinjauan Kuantitatif



Sampel Sasaran

1. Sampel longitudinal meliputi 501 isi rumah yang terlibat dalam FOE 2020-2021.
2. Sampel tambahan terdiri daripada 254 responden isi rumah diketuai oleh wanita.

Bentuk Sampel

Pensampelan dibentuk berdasarkan komponen longitudinal yang dikumpul daripada FOE sebelum ini, terdiri daripada 501 isi rumah di 16 flat kos rendah di Kuala Lumpur.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam FOE sebelum ini ialah Pensampelan Kawasan Terhad yang dibentuk untuk mewakili 25,096 isi rumah di rumah pangsa kos rendah bawah kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan ketua isi rumah berumur 30 tahun dan ke atas; margin ralat ialah 4% pada tahap keyakinan 95%.

Selain sampel utama 501 isi rumah, sampel tambahan yang terdiri daripada 254 isi rumah diketuai oleh wanita telah disertakan ke dalam kajian ini.

Menggunakan bentuk sampel projek Keluarga di Pinggiran (FOE), pemilihan sampel mensasarkan subset 5,772 isi rumah diketuai oleh wanita berumur 30 tahun atau lebih, dengan margin ralat ditetapkan pada 6% pada tahap keyakinan 95%.

Prasyarat penting untuk dimasukkan dalam kajian ini ialah setiap isi rumah mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang kanak-kanak berumur tidak lebih 17 tahun. Kajian ini juga khusus melibatkan responden warga Malaysia sahaja.

Kaedah Tinjauan

Tinjauan kuantitatif dibuat secara temu bual melalui telefon untuk mempercepatkan pengumpulan data dan menyelaraskan proses tinjauan, yang juga menjimatkan kos.

Analisis Soal Selidik

Satu analisis tinjauan isi rumah yang komprehensif dilakukan untuk menilai kesan kenaikan kos sara hidup terhadap pelbagai kumpulan demografik, termasuk keseluruhan isi rumah, termasuk yang diketuai oleh wanita, serta yang mempunyai ahli keluarga kurang upaya. Analisis ini menyelongkar pelbagai aspek, mencakupi dinamik pendapatan, pola perbelanjaan, trend pekerjaan, akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan asas, serta mekanisme menangani cabaran yang diterapkan oleh isi rumah. Selain itu, analisis ini juga meneliti keberkesanan langkah-langkah perlindungan sosial dalam meringankan kesan buruk kos sara hidup yang lebih tinggi.

Pengumpulan Data

Data dikumpul menggunakan satu soal selidik yang tersusun, yang dibentuk supaya boleh diselesaikan dalam masa lebih kurang 20 hingga 30 minit. Soal selidik itu menjurus terutamanya kepada ketua isi rumah, yang memberikan maklum balas kepada kebanyakan soalan. Bagaimanapun, bagi memastikan keterangkuman dan sensitiviti isu-isu khusus berkaitan jantina, beberapa soalan memerlukan masukan daripada anggota isi rumah wanita. Oleh itu, bagi isi rumah diketuai oleh lelaki, soalan tertentu dijawab oleh anggota keluarga wanita demi mendapatkan perspektif dan pengalaman mereka setepatnya.

Jadual 1 Statistik Deskriptif

Ciri-ciri Demografik Sosial		Keseluruhan	Primer	Tambahan (Isi rumah diketuai wanita)
Isi rumah yang ditinjau		755	501	254
Jumlah anggota isi rumah		3,934	2,646	1,288
Jumlah kanak-kanak		1,691	1,166	525
Statistik ketua isi rumah				
Kategori umur	<20	0%	0%	0%
	20 – 29	5%	5%	6%
	30 – 39	24%	26%	20%
	40 – 49	31%	31%	30%
	60 dan ke atas	40%	39%	44%
Kumpulan etnik	Bumiputera	82%	85%	77%
	Cina	2%	2%	2%
	India	16%	14%	21%
Status perkahwinan	Berkahwin	74%	94%	33%
	Berpisah/Bercerai	9%	2%	21%
	Bujang	3%	2%	5%
	Ibu/Bapa tunggal	15%	2%	41%
Jantina KIR	Lelaki	66%	100%	0%
	Wanita	34%	0%	100%

Ciri-ciri Demografik Sosial		Keseluruhan	Primer	Tambahan (Isi rumah diketuai wanita)
Statistik ketua isi rumah				
Tahap pendidikan KIR (Sijil tertinggi diperoleh)	Tiada pendidikan rasmi	4%	3%	7%
	Rendah	10%	8%	16%
	Menengah rendah	16%	17%	16%
	Menengah atas	59%	63%	53%
	Tinggi	9%	10%	7%
	Tiada maklumat	1%	0%	1%
HoH activity	Bekerja (termasuk kerja sambilan)	86%	94%	70%
	Tidak bekerja (termasuk pencari kerja aktif dan tidak aktif, pesara, dan suri rumah)	14%	6%	30%
Kelas pendapatan isi rumah	Kurang RM2,000	27%	23%	37%
	RM2,000 - RM2,999	22%	24%	19%
	RM3,000 - RM3,999	19%	20%	17%
	RM4,000 - RM4,999	11%	11%	11%
	RM5,000 - RM5,999	9%	10%	7%
	RM6,000 dan atas	11%	13%	8%
Anggota isi rumah				
Anggota isi rumah	Dewasa	57%	56%	59%
	Kanak-kanak	43%	44%	41%
Purata saiz isi rumah		5.2	5.3	5.1
Purata bilangan kanak-kanak		2.2	2.3	2.1
Purata umur KIR		47	46	49
Purata umur kanak-kanak		10	10	11
Isi rumah mempunyai tiga generasi		21%	15%	33%
Isi rumah dengan datuk/nenek sebagai ketua KIR		16%	10%	28%
Kanak-kanak dijaga oleh datuk/nenek		15%	8%	30%
Isi rumah dengan sekurang-kurangnya seorang wanita mengandung		2%	3%	0%
Isi rumah dengan sekurang-kurangnya seorang yang sakit kronik		45%	41%	52%
Isi rumah dengan sekurang-kurangnya seorang kurang upaya		8%	7%	9%
Isi rumah dengan sekurang-kurangnya seorang kurang upaya atau sakit kronik		14%	13%	16%
Kanak-kanak divaksin (vaksinasi primer)		94%	93%	97%

Tinjauan Kualitatif



Sampel Sasaran

1. 10 isi rumah dengan orang kurang upaya
2. 10 isi rumah dengan wanita mengandung
3. 10 isi rumah dengan kanak-kanak berumur bawah 2 tahun

Bentuk Sampel

Kaedah pensampelan bertujuan digunakan bagi soal selidik kualitatif demi memastikan pilihan sampel memenuhi kriteria tertentu, iaitu isi rumah dengan orang kurang upaya, wanita mengandung, dan isi rumah dengan kanak-kanak bawah umur 2 tahun. Perlu diingatkan bahawa kaedah pensampelan ini tidak dimaksudkan untuk mewakili keseluruhan penduduk.

Kaedah Soal Selidik

Kaedah Penilaian Penyertaan digunakan kerana ia akan memberikan 'suara' kepada golongan miskin untuk mengungkapkan isu-isu berkaitan kesan kos sara hidup tinggi terhadap pendapatan mereka, cara berbelanja, akses kepada pendidikan berkualiti (perbelanjaan mereka untuk pendidikan serta harapan mereka kepada anak-anak), kerja-kerja penjagaan rawatan (termasuk menjaga ahli keluarga yang sakit, orang kurang upaya, orang tua atau ibu bapa, kerja rumah, dan pembelajaran anak-anak), kemiskinan dan kerentanan (persepsi atau pengalaman peribadi mengenai kemiskinan semasa krisis, alasan mereka berada dalam kemiskinan, dan kesediaan untuk keluar daripada kemiskinan), kesihatan psikososial (kesan kenaikan kos sara hidup dan usaha mereka untuk memenuhi keperluan, terhadap keyakinan diri, emosi, tahap tekanan atau kemurungan, keganasan), serta jaringan keselamatan sosial (relevansi, kesetaraan, kecukupan, kebolehcapaian dan keberkesanan dasar sosial utama serta tindak balas penyampaian perkhidmatan ke atas krisis kos sara hidup).

Penilaian Penyertaan membantu kaji selidik ini untuk:

- a) Membolehkan isi rumah miskin terlibat secara berkesan dalam perancangan dasar untuk mereka sendiri.
- b) Menghasilkan pandangan baharu mengenai peluang, akses, dan ketersediaan perkhidmatan penting.
- c) Mendapatkan saranan untuk cadangan dasar.

Analisis Soal Selidik

Dalam menjalankan analisis ke atas temu bual separa tersusun, kaedah Analisis Kandungan Sistemik (SCA) digunakan semasa proses menganalisis data sepanjang empat tahap yang berbeza:

- a) Dekontekstualisasi
- b) Kontekstualisasi ulang
- c) Pengelasan, dan
- d) Penyusunan.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan melalui soal selidik yang separa tersusun, dengan anggaran boleh dilengkapkan dalam masa 30 hingga 40 minit.

Setiap kumpulan sasaran menugaskan responden yang berbeza untuk menjawab soal selidik:

- a) Bagi isi rumah dengan orang kurang upaya: Sama ada penjaga atau orang kurang upaya itu sendiri.
- b) Bagi isi rumah dengan wanita mengandung, wanita dalam pantang, dan wanita yang pernah mengalami keguguran atau menggugurkan bayi.
- c) Bagi isi rumah dengan kanak-kanak bawah umur 12 tahun: Sama ada penjaga atau ibu.

Lampiran 3: Pertimbangan Etika

Penyelidikan ini pada setiap masa mematuhi dengan ketat Prosedur UNICEF mengenai Piawaian Etika dalam Penyelidikan, Penilaian, Pengumpulan Data, dan Analisis (2021).


Pembanci yang menjalankan temu bual melalui telefon disediakan dengan garis panduan temu bual demi memastikan pematuhan kepada tatacara yang ditetapkan. Memandangkan wawancara melalui telefon sifatnya adalah jarak jauh, kebimbangan mengenai privasi telah dapat dikurangkan, walaupun soalan-soalan yang sensitif tetap dikendalikan dengan berhati-hati.

Untuk tinjauan kualitatif, soalan-soalan berkaitan gender serta kesihatan seksual dan reproduktif diambil daripada soal selidik Kajian Pelbagai Negara WHO serta kajian-kajian lain yang relevan.

Sebelum memulakan temu bual, setiap responden dimaklumkan mengenai tujuan kajian serta hak mereka untuk mengambil bahagian atau menarik diri. Mereka diberi kepastian bahawa semua maklumat yang diberi akan dijaga kerahsiaannya dan tidak dikongsi dengan mana-mana pihak ketiga.

Semasa analisis, nama dan butiran peribadi responden didedahkan demi menjaga privasi mereka. Data disimpan di pelayan awan yang dilindungi kata laluan, yang aksesnya dibataskan kepada ketua penyelidik dan pengurus program UNICEF melalui pemacu pen yang dilindungi kata laluan.

Kedua-dua tinjauan dijalankan dalam Bahasa Malaysia, Tamil, dan Mandarin. Soal selidik asal telah disesuaikan dan diubah suai kepada konteks tempatan, berdasarkan kajian serupa yang dijalankan di Malaysia.



Lampiran 4: Keterbatasan Kajian

Keciciran Kajian

Tinjauan longitudinal lazimnya akan mengalami kecaciran, namun beberapa langkah strategik yang diambil berjaya mengurangkan kadar kecaciran itu. Pertama, pemberian insentif, dalam bentuk honorarium, memainkan peranan penting sebagai galakan untuk responden terus terlibat sepanjang proses soal selidik. Berdasarkan pengalaman daripada siri kajian FOE sebelum ini, 56% daripada responden dapat dikekalkan dalam kesemua empat pusingan kajian, mengatasi ambang yang diterima iaitu 50% bagi kajian longitudinal. Kadar respons ini dianggap memadai untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan data longitudinal. Sebagai gambaran, projek Malaysia Cohort (TMC), satu kaji selidik selama enam tahun mengenai kejadian morbiditi dan kematian, mengalami kadar kecaciran sebanyak 42.7%.

Kedua, penggunaan secara konsisten kriteria isi rumah yang telah ditetapkan, yang mencerminkan kriteria yang dipakai bagi FOE, dapat memastikan kesinambungan dalam pemilihan responden. Secara khusus, isi rumah yang dijadikan sasaran ialah yang diketuai oleh individu berumur 30 tahun dan ke atas dengan kanak-kanak berumur bawah 18 tahun. Pendekatan ini mengekalkan keseragaman demografi dalam sampel sekali gus mempertahankan integriti kerangka pensampelan.

Ketiga, adanya responden berpotensi yang mencukupi dalam kerangka sampel mengurangkan lagi kebimbangan akan berlaku kecaciran. Kerangka sampel merangkumi kumpulan isi rumah yang besar, iaitu 50 kali ganda daripada saiz sampel utama (501 isi rumah) dan 23 kali ganda saiz sampel tambahan 250 isi rumah diketuai oleh wanita. Ini dapat memastikan pengganti yang cukup yang boleh diambil daripada kumpulan isi rumah sedia ada sekiranya ada keperluan, sehingga dapat mempertahankan keteguhan komposisi sampel kajian.

Pelaporan Bias Pendapatan

Maklum balas mengenai pendapatan dikumpulkan daripada pensampelan kebarangkalian terdedah kepada ralat pensampelan. Ralat ini boleh dinilai dengan mengira Ralat Piawai Relatif (RSE) yang berfungsi sebagai petunjuk ketepatan anggaran pendapatan yang dilaporkan. RSE menawarkan pemahaman mengenai tahap perbezaan antara anggaran pendapatan seperti yang dilaporkan dalam kaji selidik dan pendapatan sebenar dalam kalangan penduduk. Ralah ini ketara dalam semua kaji selidik, termasuk Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022.

Kajian ini mengguna pakai angka RSE mengikut garis panduan yang ditetapkan:

- a) Angka dengan RSE kurang daripada 25%: Dianggap cukup untuk dipercayai.
- b) Angka dengan RSE antara 25% hingga kurang daripada 50%: Boleh dilaporkan tetapi mesti diawali dengan tanda bintang dan sepatutnya digunakan dengan cermat.
- c) Angka dengan RSE 50% atau lebih: Boleh diawali dengan dua tanda bintang, menandakan anggaran ini dianggap tidak boleh dipercayai.

Menggunakan pendekatan sama yang diguna pakai dalam HIES 2022, Jadual 2 menunjukkan anggaran purata pendapatan isi rumah bulanan bagi jumlah isi rumah, isi rumah diketuai oleh wanita dan isi rumah yang diketuai oleh orang kurang upaya cukup untuk dipercayai apabila RSE kurang daripada 25%. Purata pendapatan isi rumah bagi jumlah isi rumah berada dalam lingkungan RM2,831 hingga RM3,389 sebulan.

Daripada tiga kategori utama isi rumah ini, ketua isi rumah kurang upaya mencatatkan RSE paling tinggi pada 23%. RSE bagi purata pendapatan isi rumah daripada jumlah isi rumah dan isi rumah diketuai oleh wanita masing-masing pada 2% dan 5%. Sebagai perbandingan, RSE bagi purata pendapatan bulanan isi rumah bagi Kuala Lumpur dalam HIES 2022 ialah 1.7%.

Jadual 2

Ralat piawai relatif anggaran untuk purata pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut kumpulan ketua isi rumah

Kategori isi rumah	Purata Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan (RM)	Ralat piawai anggaran		Julat pendapatan purata pada selang keyakinan 95%(RM)	
		Nilai relatif (%)	Ralat piawai (RM)		
Keseluruhan isi rumah	RM3,443	2%	RM83	RM3,281	RM3,605
Isi rumah diketuai wanita	RM3,110	5%	RM142	RM2,831	RM3,389
Ketua isi rumah kurang upaya	RM2,717	23%	RM637	RM1,468	RM3,966

Bibliografi dan Rujukan

Abdullah, N., Kamaruddin, M. A., Goh, Y. X., Othman, R., Dauni, A., Jalal, N. A., Yusuf, N. A. M., Kamat, S. A., Basri, N. H., & Jamal, R. (2021). Participants Attrition in a Longitudinal Study: The Malaysian Cohort Study Experience. *International journal of environmental research and public health*, 18(14), 7216. <https://doi.org/10.3390/ijerph18147216>

Arteta., C. 2022. How Do Rising U.S. Interest Rates Affect Emerging and Developing Economies? <https://openknowledge.worldbank.org/entities/publication/1ee544ab-b3e4-5a20-8a2a-75936772e951>

Babbie, E. R. (1973). *Survey research methods*. Wadsworth Pub..

Bank Negara Malaysia (BNM). n.d. Keputusan Kadar Dasar Semalaman. <https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/opr-decisions>

Bank Negara Malaysia. 2018. The Living Wage: beyond making ends meet. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/826852/AR+BA4++The+Living+Wage+Beyond+Making+Ends+Meet.pdf>

Bank Negara Malaysia (BNM). 2023. Perkembangan Utama pada Separuh Kedua 2022

BERNAMA. 2023. Langkah proaktif kerajaan bantu rakyat atasi bekalan ayam, telur <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2196842>

DOSM. 2023. Analisis Indeks Harga Pengguna (IHP) Tahunan 2022.

DOSM. 2023. Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022.

DOSM. 2023. Survei Pendapatan Isi Rumah & Keperluan Asas 2022.

DOSM. 2023. Statistik Orang Kurang upaya 2022.

Georgieva., K., et al. 2022. Global Food Crisis Demands Support for People, Open Trade, Bigger Local Harvests. <https://www.imf.org/en/Blogs/Articles/2022/09/30/global-food-crisis-demands-support-for-people-open-trade-bigger-local-harvests>

ILO. 2023. A global employment divide: low-income countries will be left further behind without action on jobs and social protection. https://www.ilo.org/global/about-the-ilo/newsroom/news/WCMS_882946/lang-en/index.htm

IMF. 2023. World Economic Outlook: A rocky recovery. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2023/04/11/world-economic-outlook-april-2023>

Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2023. Laporan Statistik 2022. Jadual 1.1 Bantuan Kewangan Mengikut Negeri 2022

Kementerian Ekonomi. 2023. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025): Strategi A1 Menambah Baik Pasaran Buruh.

Kementerian Kewangan. 2023. Ucapan Belanjawan 2023

Kementerian Kewangan. 2023. Kerajaan jimat RM4.1 bilion hasil pelaksanaan subsidi bersasar elektrik <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/kerajaan-jimat-rm4-1-bilion-hasil-pelaksanaan-subsidi-bersasar-elektrik-steven-sim>

Bibliografi dan Rujukan

Kementerian Kewangan. 2023. Kerajaan dapat jimat RM17 bilion jika T20 tidak diberi subsidi bahan api <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/kerajaan-dapat-jimat-rm17-bilion-jika-t20-tidak-diberi-subsidi-bahan-api-ahmad-maslan>
Kementerian Kewangan. 2022. Jumlah keseluruhan subsidi 2022 dijangka hampir RM80 bilion, terbesar dalam sejarah <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/jumlah-keseluruhan-subsidi-2022-dijangka-hampir-rm80-bilion-terbesar-dalam-sejarah-tengku-zafrul>

National Wages Consultative Council Malaysia. 2018. Minimum Wages Policy in Malaysia. https://webapps.ilo.org/wcmsp5/groups/public/—asia/—ro-bangkok/—ilo-jakarta/documents/meetingdocument/wcms_645183.pdf

Olsen, R. J. (2005). The problem of respondent attrition: Survey methodology is key. *Monthly Lab. Rev.*, 128, 63.
OECD. 2023. Economic Outlook: A long unwinding road. <https://www.oecd.org/economic-outlook/june-2023/>

Seivwright, Ami; Kocar, Sebastian (2022). Inflation, Inflation, Inflation: How Tasmanians are Coping with Rising Costs of Living. University Of Tasmania. <https://doi.org/10.25959/rh31-h826>

Touchstone. Mentally Healthy Leeds. 2023. The cost of living Crisis: How has the Covid-19 affected the mental health of people on low incomes, and what forms of support have been effective? <https://touchstonesupport.org.uk/insight-report-the-cost-of-living-crisis-in-leeds/>

The World Bank. 2023. Malaysia Economic Monitor February 2023: Expanding Malaysia's Digital Frontier. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malaysia-economic-monitor-february-2023-expanding-malaysia-s-digital-frontier>

United Nations. 2011. Canberra Group Handbook on Household Income Statistics. https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20220920114324.pdf

United Nations. 2017. Social Protection for Person with Disabilities.

United Nations. 2023. World Population Prospects 2022. File FERT/03: Births by single age of mother, region, subregion and country, annually for 1950-2100 (thousands) and File POP/01-1: Total population (both sexes combined) by single age, region, subregion and country, annually for 1950-2100 (thousands).

UNFPA. 2023. Maternal Health Analysis of Women and Girls of African Descent in the Americas. <https://www.unfpa.org/publications/maternal-health-analysis-women-and-girls-african-descent-americas>

United Nations Children's Fund, Public Finance and Social Budgeting, learning Module, UNICEF, New York, 2011.

United Nations Children's Fund. 2017. Introducing and Costing a Child Grant in Malaysia. UNICEF Malaysia Working Paper Series.

United Nations Children's Fund. 2018. Kanak-Kanak di Pinggiran: Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur. <https://www.unicef.org/malaysia/reports/kanak-kanak-pinggiran>

Women Deliver. 2022. The Impact Of Covid-19 On Sexual And Reproductive Health And Rights: Youth-led Perspectives and Solutions for a Gender-Equal World

unicef 
for every child